

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVIII)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

1. Berapakah jumlah terkini bangunan/premis kedai milik MBSP di daerah Seberang Perai Tengah untuk disewa?
 - (a) Berapa banyak kedai yang disewa dan yang tiada penyewa pada masa kini?
 - (b) Dan apakah sebab utama gagal disewakan?
 - (c) Apakah sebab utama kedai-kedai ini gagal disewakan?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Jumlah keseluruhan terkini bangunan/premis kedai milik Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) di daerah Seberang Perai Tengah yang tersedia untuk disewa adalah sebanyak 2569 unit.
 - (a) Jumlah unit kedai yang telah disewa adalah sebanyak 2,052. Manakala bagi kedai yang belum disewa adalah sebanyak 517. Perincian mengikut jenis premis adalah seperti berikut:

BIL	JENIS	TELAH DISEWA	BELUM DISEWA	JUMLAH
1	Kompleks makanan	309	141	450
2	Pasar awam	1,743	376	2,119

- (b) Sebab-sebab utama premis itu gagal disewakan adalah seperti berikut:
- (i) Lokasi premis yang kurang strategik. Premis terletak di kawasan yang kurang tumpuan atau jauh daripada pusat perniagaan utama, sekali gus mengurangkan minat penyewa untuk berkunjung;
 - (ii) Jenis perniagaan yang dibenarkan adalah terhad. Terdapat halangan terhadap jenis perniagaan yang boleh dijalankan di sesetengah premis dan kebanyakannya adalah dari kategori gerai makanan. Ini telah menyebabkan kurangnya kepelbagaian perniagaan dan mengurangkan tarikan kepada penyewa yang berpotensi; dan
 - (iii) Keadaan persekitaran yang tidak kondusif. Lokasi sesetengah premis yang berhampiran kawasan terbiar, kawasan kurang bersih, atau lokasi yang sering berlaku gangguan sosial seperti vandalisme dan keselamatan, menjejaskan imej kawasan serta mengurangkan kesesuaian premis untuk aktiviti perniagaan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVIII)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

2. Senaraikan jumlah dan tindakan penguatkuasaan terhadap premis dan gerai warga asing yang telah diambil pada tahun 2024 di Pulau Pinang mengikut daerah.
 - (a) Apakah antara kesalahan utama yang gagal dipatuhi oleh mereka?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sememangnya memandang serius isu premis dan gerai warga asing yang terdapat di Negeri Pulau Pinang. Secara keseluruhannya, sebanyak 2,104 tindakan penguatkuasaan terhadap premis dan gerai warga asing yang telah diambil pada tahun 2024 di Pulau Pinang dengan pecahan sebanyak 292 tindakan di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan 1,812 tindakan di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Perincian jumlah dan tindakan penguatkuasaan terhadap premis dan gerai warga asing yang telah diambil pada tahun 2024 di Pulau Pinang mengikut daerah adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (a) Kerajaan Negeri melalui PBT telah mengambil langkah-langkah penguatkuasaan yang lebih tegas dan bersepadu untuk memantau aktiviti perniagaan yang melibatkan warga asing terutamanya di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan warga asing. Antara kesalahan utama yang dilakukan adalah seperti berikut:

- (i) Menjalankan operasi tanpa lesen perniagaan yang sah oleh PBT; dan
- (ii) Kegagalan mematuhi syarat-syarat pelesenan, iaitu menggaji atau mengupah pembantu/pekerja premis perniagaan tanpa visa kerja yang sah.

LAMPIRAN A**JUMLAH DAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN TERHADAP
PREMIS DAN GERAI WARGA ASING BAGI TAHUN 2024**

BIL.	PBT	DAERAH	JENIS TINDAKAN			JUMLAH KESELURUHAN	
			NOTIS	KOMPAUN	SITAAN		
1.	MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG	TIMUR LAUT	50	0	55	105	292
2.		BARAT DAYA	30	0	157	187	
3.	MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI	SEBERANG PERAI UTARA	65	165	19	249	1,812
4.		SEBERANG PERAI TENGAH	174	599	71	844	
5.		SEBERANG PERAI SELATAN	180	460	79	719	
JUMLAH			499	1,224	381	2,104	

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVIII)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN MOHD HASHIM @ MD HASHIM**

3. Pada 10 Januari 2025, Tuan Yang Terutama telah hadir menunaikan solat Jumaat di Masjid Bukit Indera Muda. Mengapakah tiada jemputan kepada ADUN Permatang Pasir berbanding sebelum ini?
- (a) Berdasarkan protokol, siapakah yang perlu dijemput apabila TYT turun ke program rasmi sesuatu DUN?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Kerajaan Negeri menghargai keprihatinan Yang Berhormat terhadap program Solat Jumaat bersama Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri dan mengambil maklum berkaitan isu jemputan tersebut.
- (a) Bagi majlis dan program rasmi Kerajaan Negeri yang melibatkan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri, semua Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Parlimen akan dijemput untuk hadir bersama dalam majlis/program rasmi tersebut. Walau bagaimanapun, ianya tertakluk kepada majlis/program rasmi yang diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Majlis dan Protokol, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVIII)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

4. Nyatakan mengapa sistem iSejahtera telah tidak dapat diakses oleh PKWR Permatang Pasir sedangkan sebelum ini boleh diakses untuk memudahkan urusan rakyat.
- (a) Bagaimanakah kerajaan memastikan sistem iSejahtera ini tidak dipolitikkan?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Buat masa ini, akses kepada sistem dan data iSejahtera adalah terhad kepada wakil rakyat daripada pihak Kerajaan Negeri. Ketetapan ini bukan sesuatu yang baharu dibuat tetapi ianya berdasarkan prosedur pentadbiran asal sejak program ini mula dilaksanakan memandangkan penyaluran bantuan dilakukan melalui Kerajaan Negeri.

Namun begitu, Kerajaan Negeri sentiasa mengutamakan prinsip keadilan sosial dan komited untuk memastikan bantuan sampai kepada semua rakyat yang layak, tanpa mengira latar belakang politik kawasan masing-masing. Prinsip kami jelas “Tiada rakyat yang harus ditinggirkan.”

Sehubungan itu, sekiranya YB dari pihak pembangkang ingin mendapatkan data penerima di kadun masing-masing, boleh memohon secara rasmi kepada Pejabat EXCO Kebajikan. Pihak kami akan meneliti dan memastikan bantuan dapat dipanjangkan kepada mereka yang memerlukan.

- (a) Sebagai langkah semak dan imbang, kelulusan akhir permohonan dikendalikan oleh Pejabat Daerah. Proses ini penting bagi memastikan semakan dokumen dibuat secara telus, teratur dan sah. Sebarang dokumen yang tidak lengkap akan dipulangkan kepada pemohon dengan bimbingan daripada pegawai bertugas.

Hanya kelima-lima Pejabat Daerah di Pulau Pinang yang diberi kuasa untuk mengesahkan butiran akaun bank dan meluluskan pembayaran dalam setiap fasa. Ini adalah demi mengelakkan penyalahgunaan kuasa oleh mana-mana pihak yang cuba menjadikan bantuan kebajikan sebagai modal politik.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVIII)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

5. Senaraikan jumlah kes jangkitan dan kematian akibat denggi daripada tahun 2024 hingga 2025 mengikut daerah.
- (a) Apakah langkah kerajaan dalam mengurangkan jangkitan ini?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Untuk tahun 2024 sehingga Minggu Epid Ke-52, Negeri Pulau Pinang mencatatkan sejumlah 4,370 kes demam denggi dengan kumulatif 11 kes kematian. Pecahan kes mengikut daerah adalah seperti berikut:

DAERAH	JUMLAH KES
Daerah Timur Laut	1,039 (3 kematian)
Daerah Barat Daya	584
Seberang Perai Utara	452 (1 kematian)
Seberang Perai Tengah	1,504 (4 kematian)
Seberang Perai Selatan	791 (3 kematian)
PULAU PINANG	4,370 (11 kematian)

Manakala untuk tahun 2025, setakat Minggu Epid Ke-19, Negeri Pulau Pinang mencatatkan sejumlah 774 kes demam denggi dengan kumulatif 2 kes kematian. Pecahan kes mengikut daerah adalah seperti berikut:

DAERAH	JUMLAH KES
Daerah Timur Laut	261 (1 kematian)
Daerah Barat Daya	101
Seberang Perai Utara	159 (1 kematian)
Seberang Perai Tengah	163
Seberang Perai Selatan	90
PULAU PINANG	774 (2 kematian)

Berbanding dengan tempoh masa yang sama pada tahun 2024, Pulau Pinang telah mencatatkan penurunan sebanyak 1,260 kes (-62%).

- (a) Antara langkah-langkah yang dilaksanakan bagi mengawal masalah denggi ini adalah dengan Penghapusan Tempat Pembiakan (PTP), Cari & Musnah (Search & Destroy), Larvaciding, Semburan Ruang Termal, Semburan ULV, penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (APSP) 1975 dan Pendidikan Kesihatan mengenai bahaya denggi kepada masyarakat dan komuniti setempat.

Antara inisiatif lain yang dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) bagi mengurangkan penyebaran wabak deman denggi ialah projek pelepasan nyamuk berWolbachia di lima (5) lokaliti di Pulau Pinang.

Antara lokaliti yang terlibat dengan projek pelepasan nyamuk berWolbachia adalah seperti berikut:

- (i) Flat Bukit Gedung, Barat Daya;
- (ii) Flat Taman Inderawasih, Seberang Perai Tengah;

- (iii) PPR Taman Manggis, Timur Laut;
- (iv) PPR Taman Bagan Jaya, Seberang Perai Utara; dan
- (v) Kuarters Lone Pine, Timur Laut

Bagi tahun 2025, satu (1) lokaliti projek pelepasan nyamuk berWolbachia baru akan dilaksanakan selepas mendapat kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Selain daripada kaedah kawalan denggi sedia ada, JKNPP juga menjalankan aktiviti kawalan komplementari seperti Mosquito Home, MyMat dan Outdoor Residual Spray (ORS) terutamanya di kawasan hotspot serta kawasan berisiko tinggi denggi. Kaedah kawalan komplementari Mosquito Home dilaksanakan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang, NGO dan syarikat swasta (secara CSR). Aktiviti kawalan komplementari ini telah memberi impak positif dalam kawalan denggi di negeri Pulau Pinang.

Usaha kerajaan dalam menangani masalah demam denggi adalah usaha yang berterusan sejak tahun 2024, JKNPP telah melancarkan platform TikTok dan Whatsapp Channel, selain platform Facebook sedia ada bertujuan untuk memberi maklumat denggi terkini kepada orang ramai dan mengingatkan masyarakat supaya terus mengambil langkah pencegahan bagi menghentikan penularan demam denggi. Langkah-langkah pencegahan yang boleh diamalkan oleh orang ramai adalah melakukan pemeriksaan dalam rumah masing-masing bagi mengenalpasti dan menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes setiap minggu serta menggerakkan masyarakat bagi menghapuskan tempat pembiakan nyamuk di luar kawasan rumah, taman rekreasi, tempat tumpuan awam, tanah terbiar dan lain-lain dengan mengadakan gotong-royong melibatkan komuniti setempat.

Selain daripada itu, vaksin untuk dijangkiti demam denggi, iaitu Vaksin QDenga telah memperolehi kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan boleh didapati di klinik kesihatan swasta yang berkaitan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVIII)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

6. Senaraikan jumlah miskin tegar mengikut daerah dan kaum pada tahun 2024.
- (a) Adakah pihak JKM berhasrat untuk meningkatkan jumlah bantuan sedia ada memandangkan kos sara hidup yang semakin meningkat?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Menurut Pejabat Pembangunan Negeri (ICU JPM) Pulau Pinang, setakat 31 Disember 2024, terdapat seramai 67 orang Ketua Isi Rumah (KIR) yang berstatus Miskin Tegar dalam sistem eKasih. Data ini telah diperincikan mengikut pecahan daerah dan kaum seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut:

**BILANGAN KIR MISKIN TEGAR MENGIKUT DAERAH DAN
KAUM PADA TAHUN 2024**

DAERAH	JUMLAH	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN
Timur Laut	12	5	4	3	0
Barat Daya	7	7	0	0	0
Seberang Perai Selatan	10	4	0	6	0
Seberang Perai Tengah	19	13	2	4	0
Seberang Perai Utara	19	13	0	6	0
JUMLAH	67	42	6	19	0

*Data eKasih bertarikh 31 Disember 2024

- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan Program Agenda Ekonomi Saksama (AES) sejak Mac 2009 sebagai satu bentuk bantuan kewangan bulanan untuk membantu isi rumah miskin. Bermula September 2020, AES telah digabungkan dengan Bantuan Am Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan dinamakan semula sebagai Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES) bagi meningkatkan kecekapan tadbir urus dan pengagihan bantuan.

Mulai 1 Januari 2025, kadar BAES telah dinaikkan daripada RM260 kepada RM322 sebulan bagi menyokong usaha pembasmian kemiskinan tegar di negeri ini. Setiap permohonan yang layak akan menerima bantuan antara RM100 (minimum) hingga RM1,300 (maksimum) sebulan.

Berikut merupakan statistik pelaksanaan BAES mengikut kadar RM322 dari Januari 2025 sehingga April 2025

Bulan	Bilangan Kes	Jumlah Bayaran
Januari	890	RM428,712.00
Februari	896	RM435,811.00
Mac	884	RM437,573.00
April	885	RM450,487.00

Perbezaan perbelanjaan antara berikut:

Perbezaan perbelanjaan	Kadar	Bilangan Kes	Jumlah Bayaran
Disember 2024	RM260	895	RM418,100.00
April 2025	RM322	885	RM450,487.00
Kenaikan jumlah bayaran			RM32,387.00

Terdapat trend peningkatan jumlah bayaran bulanan, selari dengan kenaikan kadar bantuan dan pertambahan jumlah kes aktif. Ini mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri dalam

memastikan tiada isi rumah yang terpinggir daripada jaringan perlindungan sosial.

Selain itu, Kerajaan Persekutuan melalui Belanjawan 2025 turut meningkatkan beberapa bantuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi meringankan beban golongan memerlukan. Antaranya termasuk kenaikan kadar Bantuan Warga Emas kepada RM600 sebulan dan kenaikan Bantuan Kanak-kanak Miskin kepada RM250 bagi kanak-kanak berumur 6 tahun ke bawah, dan RM200 bagi yang berumur antara 7 hingga 18 tahun, dengan jumlah maksimum RM1,000 bagi setiap keluarga. Bantuan Am Wilayah Persekutuan turut dinaikkan kepada RM150 sebulan dengan had maksimum RM500 bagi satu keluarga.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVIII)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

7. Apakah status terkini tentang tapak baru Pasar Permatang Pauh?

- (a) Adakah tapak yang dicadangkan sebelum ini akan dijadikan pembangunan yang lain?
- (b) Adakah ada cadangan tapak yang lain atau pasar akan kekal di situ?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bilangan 25/2024 yang diadakan pada 04 September 2024 dan disahkan pada 11 September 2024 telah menolak permohonan bagi pemberimilikan tanah kerajaan plot 1 (Lot 1272, 1273, 2051 sebahagian lot 754 dan sebahagian lot 2054), Sama Gagah, Mukim 2, Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Pulau Pinang berkeluasan sebanyak 8,172.2 meter persegi untuk tujuan pembinaan Pasar Awam Permatang Pauh.

- (a) Ya, tapak yang dicadangkan sebelum ini iaitu di Lot 1272, 1273, 2051, sebahagian lot 754 dan sebahagian lot 2054, Sama Gagah, Mukim 2, Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Pulau Pinang adalah untuk pembinaan sebuah masjid baharu di kawasan Permatang Pauh.
- (b) Buat masa ini, Kerajaan Negeri melalui pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) tidak mempunyai sebarang cadangan bagi tapak yang lain dan pasar tersebut akan kekal di lokasi yang sama iaitu di Taman Cermay, Sama Gagah. Sekiranya

terdapat keperluan pada masa hadapan, pihak MBSP akan membuat kajian semula dan mengenal pasti lokasi yang bersesuaian bagi pembinaan pasar awam baharu.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVIII)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN MOHD HASHIM @ MD HASHIM**

8. Gangguan bekalan air antara cabaran bagi Kerajaan Negeri untuk menarik pelabur ke Pulau Pinang.
- (a) Selain pembinaan LRA yang baru, apakah usaha yang telah diambil dan yang sudah dilakukan?
- (b) Berapakah jumlah syarikat baru yang telah beroperasi atau yang akan beroperasi pada tahun 2025 mengikut daerah?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. (a) Kerajaan Negeri telah mengambil pelbagai inisiatif melalui pelan jangka masa pendek, sederhana dan panjang bagi memastikan bekalan air mencukupi untuk menampung permintaan air yang tinggi di Negeri Pulau Pinang. Selain pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) yang baharu, antara usaha yang telah diambil dan yang sudah dilakukan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:
- (i) Pelaksanaan kajian kebolehlaksanaan pembinaan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) di Pulau Pinang yang sedang dilaksanakan oleh perunding yang dilantik di bawah Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) untuk membantu mengekalkan aliran air sungai sepanjang tahun, terutamanya ketika musim kemarau. Ia berfungsi sebagai kawasan tadahan semula jadi yang menyimpan air hujan dan melepaskannya secara perlahan ke sungai;

- (ii) Penerokaan sumber baharu air bawah tanah di mana permohonan kerja-kerja *mapping* telah dikemukakan melalui RMK-13 RP1 untuk mengenal pasti kawasan yang berpotensi untuk sumber air bawah tanah;
 - (iii) Kajian Kebolehlaksanaan WRP (Water Reclamation Project) sedang dilaksanakan oleh perunding yang dilantik oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) bagi kegunaan industri ekoran Perjanjian Persefahaman (MOU) di antara Indah Water Konsortium (IWK) dan PBAPP;
 - (iv) Pelaksanaan kerja-kerja pembaikan di bawah PBAPP mengikut tempoh yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN);
 - (v) Pelantikan kontraktor oleh PBAPP untuk mempercepatkan kerja-kerja penyelenggaraan saluran paip;
 - (vi) Pengambilan lebih ramai pekerja yang kompeten di masa hadapan oleh PBAPP; dan
 - (vii) Projek pemindahan air dari Sungai Perak ke Pulau Pinang sebagai sumber air tambahan untuk menampung permintaan air penduduk Negeri Pulau Pinang sehingga tahun 2050 yang sedang dalam perancangan.
- (b) PBAPP tiada maklumat berkaitan dengan jumlah syarikat baharu yang telah beroperasi atau yang akan beroperasi pada tahun 2025 mengikut daerah.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVIII)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

9. Pada 15 April 2025 di dalam akhbar Berita Harian dengan pelaburan bernilai RM42.76 bilion dan mewujudkan 9,000 peluang pekerjaan pada tahun 2024, bagaimanakah kerajaan memastikan warga tempatan menjadi keutamaan dalam peluang pekerjaan yang sedia ada?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui InvestPenang secara berterusan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mewujudkan peluang pekerjaan baharu yang berpendapatan tinggi serta mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Antara langkah utama yang diambil adalah menggalakkan syarikat multinasional untuk melokalisasikan rantai bekalan dan menyediakan perkhidmatan padanan perniagaan yang membuka lebih banyak peluang kepada perniagaan dan pekerja tempatan. Selain itu, kerjasama berterusan turut dijalinan dengan pelbagai agensi untuk mempromosikan dan menarik pelaburan baharu serta memperkukuh pelaburan sedia ada, termasuk pembangunan industri kecil dan sederhana (IKS) tempatan, yang secara tidak langsung mewujudkan peluang pekerjaan untuk penduduk tempatan.

Usaha Kerajaan Negeri bukan sahaja tertumpu kepada sektor pembuatan, malah diperluaskan ke sektor-sektor lain seperti Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS) yang merangkumi bidang seperti reka bentuk litar bersepadu (IC Design), kewangan, teknologi maklumat, seni kreatif, pembangunan perisian dan sumber manusia. Di samping itu, *Penang CAT Centre* turut memainkan peranan penting dalam pembangunan modal insan melalui kempen “*My Penang, My Workplace*” bagi membantu pencari kerja tempatan meningkatkan

pendapatan mereka. Pusat CAT juga aktif menjalankan padanan kerja dan promosi kerjaya melalui program *outreach* ke institusi pengajian tinggi untuk memberi pendedahan tentang peluang pekerjaan di Pulau Pinang.

Antara inisiatif lain termasuk pelaksanaan *Penang Internship Subsidy Program* (PISP) yang memberi subsidi kepada pelajar menjalani latihan industri dengan elaun menarik serta program biasiswa *Penang Future Foundation* (PFF) yang ditawarkan kepada pelajar cemerlang rakyat Malaysia untuk melanjutkan pengajian dalam negara. Pemegang biasiswa PFF diwajibkan bekerja di Pulau Pinang setelah tamat pengajian sebagai usaha mengekalkan bakat tempatan. Selain itu, Kerajaan Negeri turut bekerjasama secara proaktif dengan agensi pekerjaan seperti NCIA, *TalentCorp* dan PERKESO bagi mengenal pasti dan berkongsi peluang pekerjaan yang sesuai untuk warga tempatan melalui platform digital rasmi Pusat CAT.

Kesemua usaha ini bertujuan memastikan rakyat Malaysia, khususnya di Pulau Pinang, mendapat keutamaan dalam mengisi kekosongan jawatan sedia ada dan seterusnya meningkatkan taraf hidup mereka.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVIII)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

10. Senaraikan jumlah kes bunuh diri yang berlaku di Negeri Pulau Pinang.

(a) Apakah punca utama berlaku kes bunuh diri?

(b) Apakah langkah kerajaan untuk mengatasi isu ini?

YB GOOI ZI SEN MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

10. Senaraikan jumlah kes bunuh diri yang berlaku di Negeri Pulau Pinang.

Untuk makluman, pihak kerajaan telah menggantikan Seksyen 309 kanun keseksaan kepada Akta 615 Akta Kesihatan Mental 2001 dan yang telah diwartakan pada 27 September 2001. Oleh yang demikian, data statistik kes bunuh diri di Negeri Pulau Pinang hanya dapat diberikan dari tahun 2019 hingga tahun 2023 seperti berikut:

TAHUN/ ISU	OUTCOME		KEKERAPAN		KAEDAH YANG DIGUNAKAN					
	MATI	TIDAK MATI	1-2 KALI	LEBIH DARI (2) KALI	GANTUNG DIRI	UBAT- UBAT AN	GUNAKAN KENDERAAN	TERJUN BANGUNAN / JAMBATAN	GUNAKAN SENJATA	LAIN-LAIN
2019	0	27	27	0	5	1	0	5	10	6
2020	0	24	24	0	1	1	1	4	7	10
2021	1	30	31	0	2	2	0	10	6	11
2022	0	30	30	0	0	0	0	17	6	7
2023	0	14	14	0	0	0	0	6	7	1
JUMLAH	1	125	126	0	8	4	1	42	36	35
PERATUSAN	0.8%	99.2%	100%	0%	6.3%	3.2%	0.8%	33.3%	28.6%	27.8%

(a) Punca utama kes bunuh diri ialah kemurungan. Kemurungan boleh disebabkan oleh empat (4) faktor iaitu:

(i) Faktor biologi

1) Sejarah keluarga yang mengalami kemurungan, perubahan dalam kimia otak, dan ketidakseimbangan dalam hormon seperti kortisol dan serotonin semuanya boleh menyumbang kepada perkembangan kemurungan.

(ii) Peristiwa kehidupan

1) Peristiwa kehidupan traumatik, seperti kehilangan orang tersayang, penderaan fizikal atau emosi, atau masalah kewangan boleh mencetuskan kemurungan.

(iii) Faktor sosial

1) Pengasingan sosial, kekurangan sokongan daripada keluarga dan rakan, keadaan hidup yang buruk, kekurangan pekerjaan, dan wabak dadah boleh meningkatkan risiko mengalami kemurungan.

(iv) Keadaan kesihatan mental

1) Keadaan kesihatan mental seperti kebimbangan, gangguan bipolar atau gangguan tekanan selepas trauma (PTSD) boleh meningkatkan risiko kemurungan.

(b) Berikut merupakan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) demi membanteras kes bunuh diri daripada berleluasa. Diantaranya adalah:

(i) Penubuhan Unit Tindakan Khas oleh Polis

1) Unit ini meronda secara berkala di kedua-dua jambatan utama di Pulau Pinang untuk mencegah kejadian bunuh diri.

(ii) Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (anggota kesihatan):

- 1) Kes-kes sedemikian dikendalikan oleh Pakar Kesihatan Awam dan Pegawai Psikologi Kaunseling (Kaunselor).
- 2) Pasukan *Mental Health and Psychosocial Support* (MHPSS).
- 3) Aksesibiliti perkhidmatan: Waktu pejabat.
- 4) Perkhidmatan Kesihatan Mental adalah perkhidmatan 'essential' yang dijalankan secara berterusan di klinik-klinik kesihatan dan hospital-hospital kerajaan.

(c) Klinik Kesihatan (awam)

- (i) Kes-kes sedemikian dikendalikan oleh Pakar Perubatan Keluarga, Pegawai-pegawai Perubatan, anggota paramedik dan Pegawai Psikologi Kaunseling (Kaunselor). Pegawai Psikologi kontrak juga ditambah di beberapa fasiliti klinik kesihatan untuk membantu penyampaian perkhidmatan kesihatan mental.
- (ii) Pasukan *Mental Health and Psychosocial Support* (MHPSS)
- (iii) Aksesibiliti perkhidmatan: Waktu pejabat

(d) Hospital (awam)

- (i) Kes-kes sedemikian dikendalikan oleh Pakar Psikiatri, Pakar Psikologi Klinikal (*Clinical Psychologist*), Pegawai-pegawai Perubatan, Pegawai Psikologi Kaunseling (Kaunselor) dan anggota paramedik
- (ii) Pasukan *Mental Health and Psychosocial Support* (MHPSS)
- (iii) Aksesibiliti perkhidmatan di hospital:
 - 1) Waktu pejabat:

a) Temujanji

b) *Walk-in*

2) Selepas waktu pejabat/cuti:

a) Pegawai bertugas atas panggilan

b) Hadir untuk rawatan di Jabatan Kecemasan dan Traumatologi

(e) MENTARI (Pusat Kesihatan Mental Masyarakat, KK Butterworth) (Awam)

i) Kes-kes sedemikian dikendalikan oleh Pakar Psikiatri, Pakar Psikologi Klinikal (*Clinical Psychologist*), Pegawai-pegawai Perubatan, Pegawai Psikologi Kaunseling (Kaunselor) dan anggota paramedik.

ii) Aksesibiliti perkhidmatan: Waktu pejabat

(f) Talian Kasih (Awam)

i) Talian *helpline* bebas tol 24 jam yang dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

(g) Saluran Pendidikan (awam)

i) Webinar pendidikan telah diadakan dalam pelbagai saluran media. Ceramah kesihatan mental atas talian (contohnya, radio *talk* dan perkongsian di FB live) dijalankan secara berkala. Dengan pembudayaan norma baharu, media sosial (Facebook, Whatsapp, sukarelawan KOSPEN) juga digunakan untuk menghebahkan talian sokongan dan servis psikososial. Manakala Kempen Kesedaran Kesihatan Mental terus berjalan di fasiliti kerajaan (secara edaran 'leaflet', pemasangan bunting dan poster).

- (h) Kerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
 - i) Petugas-petugas kesihatan dan juga pegawai Jabatan Kerja Perubatan Sosial di hospital memberi khidmat nasihat dan bantuan sosial sewajarnya kepada pesakit berdaftar yang terkesan.
- (i) Kerjasama Dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) (Rujukan)
 - i) Rangkaian kerjasama di antara PERKESO, Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental Hospital Pulau Pinang dan Hospital Bukit Mertajam dan Unit Jurupulih Cara kerja di kedua-dua hospital berkenaan telah dijalinan sebelum ini untuk program *RESTART (Re-employment support, treatment and rehabilitation teamwork)* dan *MyFutureJobs* dengan objektif untuk membantu pesakit yang mengalami masalah kesihatan mental untuk bekerja semula.
 - ii) Proses ini meliputi penilaian, pemeriksaan, rawatan, latihan, pemantauan, pendidikan, di antara pihak hospital, PERKESO dan majikan dan kerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO).
- (j) Pengenalan Talian HEAL 15555
 - i) Talian bantuan krisis kesihatan mental ini menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada individu yang memerlukan sokongan emosi.
- (k) Talian BEFRIENDERS (NGO)
 - i) Membantu dari segi sokongan emosi dan kaunseling.
- (l) Saringan Minda Sihat Atau DASS-21 (Depression, Anxiety, Stress Scale (Bagi Penjawat Awam)
 - i) Ujian saringan bertulis untuk mengenal pasti tahap kemurungan, kerisauan dan stress seseorang, boleh didapati di semua fasiliti kerajaan dan di atas talian digunakan sebagai saringan awal.

Jawatankuasa Kesihatan Mental Negeri Pulau Pinang telah ditubuhkan pada 14 November 2023 bagi meningkatkan usaha dan kerjasama di antara agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi menangani isu kesihatan mental di Negeri Pulau Pinang. Jawatankuasa ini juga meningkatkan usaha secara berterusan bagi memastikan golongan yang memerlukan bantuan dari segi kesihatan mental dapat mengakses kepada saluran yang disediakan, sama ada di bawah kerajaan atau oleh badan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVIII)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

11. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memindahkan tapak Pasar Malam Kubang Semang ke lokasi lain untuk mengelakkan kesesakan yang melampau di jalan utama?
- (a) Apakah kerajaan ada perancangan lain untuk mengatasi masalah kesesakan ini?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) berhasrat untuk memindahkan tapak Pasar Malam Kubang Semang ke lokasi lain untuk mengelakkan kesesakan yang melampau di jalan utama. Walau bagaimanapun, proses pemindahan tidak dilaksanakan lagi pada ketika ini kerana pihak MBSP masih menunggu cadangan tapak baharu Pasar Malam Kubang Semang yang bersesuaian daripada pihak Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) kawasan berkenaan. Sehingga kini Pasar Malam Kubang Semang masih dibenarkan beroperasi berikutan terdapat keperluan kepada masyarakat setempat dan juga merupakan sumber pendapatan peniaga-peniaga kecil di kawasan sekitar Kubang Semang.
- (a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) telah menjalankan satu kajian lalu lintas di kawasan tersebut pada tahun 2023 sebagai perancangan alternatif untuk mengatasi masalah kesesakan di kawasan Pasar Malam Kubang Semang. Hasil daripada kajian yang dijalankan, pihak JKR telah merancang satu projek penyelesaian jangka masa pendek bagi penyuraian trafik di kawasan Pasar Malam

Kubang Semang dengan cadangan menaik taraf dan membina jalan baru serta kerja-kerja berkaitan bagi penyuraian trafik di kawasan Kubang Semang, Seberang Perai Tengah.

Cadangan projek ini telah disenaraikan di dalam Rancangan Pembangunan Negeri Pulau Pinang (RNPP). Status semasa projek ini adalah masih di peringkat reka bentuk dan penyediaan pelan pengambilan balik tanah. Projek ini juga dijangka akan ditender pada tahun 2026 tertakluk kepada kelulusan peruntukan daripada Jabatan Kewangan Negeri.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVIII)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

12. Senaraikan jumlah gelandangan yang telah berjaya latihan kemahiran dan telah menjana pendapatan sendiri hasil latihan di Desa Bina Diri.
- (a) Berapakah jumlah gelandangan yang mengikuti latihan kemahiran di Desa Bina Diri bagi tahun 2024?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Desa Bina Diri (DBD) merupakan sebuah institusi di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Malaysia yang ditubuhkan bagi tujuan memberikan jagaan, perlindungan, dan pemulihan kepada individu yang mengalami masalah sosial seperti pengemis dan orang papa. Objektif utama DBD adalah untuk membentuk individu yang lebih produktif dan berkemahiran, serta menggalakkan perubahan sikap yang positif agar mereka dapat diintegrasikan semula ke dalam masyarakat secara bermaruah.

Terdapat 3 institusi Desa Bina Diri yang aktif di Semenanjung Malaysia, antaranya:

- (i) DBD Mersing, Johor
- (ii) Pusat Sehati Desa Bina Diri (PSDBD) Sungai Buloh, Selangor
- (iii) DBD Jerantut, Pahang

Dari tahun 2022 hingga 2025, JKM Pulau Pinang melalui Pejabat Kebajikan Daerah telah menempatkan seramai 48 orang papa ke institusi Desa Bina Diri (DBD). Daripada jumlah tersebut, 20 orang

telah berjaya menamatkan latihan kemahiran dan kini mampu menjana pendapatan sendiri, manakala baki 28 orang masih menjalani latihan di institusi berkenaan.

- (a) Bagi tahun 2024, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah telah menghantar empat (4) orang papa yang diselamatkan ke institusi-institusi DBD untuk menjalani latihan pemulihan dan kemahiran. Pecahan mereka adalah seperti berikut: 3 orang lelaki (L) dan 1 orang perempuan (P).

Daripada jumlah tersebut:

3 orang telah dihantar ke DBD Mersing, Johor

1 orang telah dihantar ke DBD Jerantut, Pahang

Latihan yang diberikan merangkumi aspek kemahiran hidup, latihan teknikal, serta bimbingan nilai dan sahsiah diri. Matlamat akhirnya adalah untuk membantu mereka menjana pendapatan sendiri, menjadi lebih berdikari, serta kembali berfungsi sebagai anggota masyarakat yang aktif. Maklumat lanjut berkenaan jumlah gelandangan yang telah berjaya menjana pendapatan sendiri selepas latihan akan dikemaskini selepas tamat tempoh pemulihan dan penilaian pasca latihan dilakukan oleh pihak JKM.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVIII)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

13. Senaraikan jumlah dan lokasi rumah-rumah ibadat bukan Islam yang didirikan tanpa kebenaran di dalam DUN Permatang Pasir dan berapa banyakkah yang telah diambil tindakan?
- (a) Apakah langkah pemantauan dan langkah mengatasi oleh kerajaan terhadap isu ini?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Mengikut rekod Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), tiada Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) didirikan tanpa kebenaran di kawasan DUN Permatang Pasir.
- (a) Usaha Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Penyelarasan RIBI bersama agensi teknikal sentiasa memantau kewujudan RIBI yang dibina tanpa kelulusan untuk memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Kerajaan Negeri juga sedang giat membantu pihak RIBI yang tidak berdaftar untuk mengemukakan permohonan secara formal kepada Pihak Berkuasa Tempatan bagi mendapatkan kelulusan yang sah sebelum melaksanakan kerja – kerja pembinaan struktur. Jawatankuasa Penyelarasan RIBI mengambil pendekatan yang berhemah, berlandaskan prinsip perundingan dan rundingan terlebih dahulu. Sebarang tindakan penguatkuasaan terhadap rumah ibadat yang melibatkan isu teknikal atau status tanah, mestilah dilaksanakan dengan penuh rasa tanggungjawab, sensitif terhadap latar belakang komuniti, dan tidak mencetuskan

ketegangan. Pendekatan harmoni ini akan memberi ruang untuk penyelesaian yang lebih berkesan dan diterima oleh semua pihak.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVIII)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

14. Senaraikan jumlah surau-surau yang tidak berdaftar dengan MAINPP.
- (a) Apakah usaha yang telah dilakukan oleh MAINPP untuk memastikan surau-surau tersebut berdaftar?
 - (b) Apakah punca utama surau-surau tidak berdaftar?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Berdasarkan Seksyen-Seksyen Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 (Enakmen) di semua masjid berjumlah 216 buah dan surau berjumlah 539 buah telah didaftarkan di bawah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

Oleh itu, hanya surau yang menyerahkan tapak tanah yang telah dijadikan wakaf berkekalan sahaja akan didaftarkan manakala surau-surau yang didirikan di atas tanah persendirian, institusi pendidikan, stesen-stesen minyak, premis-premis kerajaan, pusat beli belah dan sebagainya tidak didaftarkan dengan MAINPP kerana tidak memenuhi kehendak Seksyen 96 hingga 105 Enakmen.

- (a) MAINPP melalui Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau sedang mengenal pasti pemilikan tanah bagi surau-surau yang tidak berdaftar dan memohon mewakafkan tanah kepada MAINPP bagi proses pendaftaran secara rasmi.

- (b) Terdapat beberapa punca utama mengapa sesetengah surau tidak berdaftar secara rasmi dengan pihak berkuasa agama negeri seperti MAINPP. Antaranya adalah seperti berikut:
- (i) **Pemilikan tanah:** surau-surau yang didirikan di atas tanah persendirian, institusi pendidikan, stesen-stesen minyak, premis-premis kerajaan, pusat beli belah dan sebagainya tidak didaftarkan dengan MAINPP kerana pemilik surau tidak menyerahkan tapak kepada MAINPP.
 - (ii) **Tanah tidak diwakafkan:** hanya tanah yang diwakafkan akan dibenarkan dibuat masjid dan surau.
 - (iii) **Tiada dokumentasi lengkap:** masalah status/ hak milik tanah (geran, rizab atau tanah wakaf belum diwartakan) sering menjadi penghalang untuk pendaftaran rasmi.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVIII)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

15. Daripada 13 fasiliti sukan di Parlimen Permatang Pauh, berapakah yang boleh digunakan dan siapakah yang bertanggungjawab terhadap fasiliti ini?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Daripada 13 fasiliti sukan di Parlimen Permatang Pauh hanya terdapat satu (1) fasiliti sahaja yang tidak dapat digunakan iaitu Gelanggang Futsal Permatang Ara, yang mana terdapat kerosakan pada gelanggang tersebut dan perlu diperbaiki dengan segera. Kesemua fasiliti sukan ini adalah di bawah seliaan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDTSPT).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVIII)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

16. Senaraikan jumlah NGO dan NGI yang diberikan peruntukan oleh Kerajaan Negeri.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

16. Senarai jumlah *Non-Governmental Organisation* (NGO), *Non-Governmental Individual* (NGI) termasuk lain-lain institusi kemasyarakatan yang diberikan peruntukan oleh Kerajaan Negeri sehingga 31 Mac 2025 melalui peruntukan MMK mengikut sektor adalah seperti berikut:
- (a) Peruntukan Khas YAB. Ketua Menteri – **LAMPIRAN A**;
 - (b) Peruntukan Khas YB. TKM 1 – **LAMPIRAN B**;
 - (c) Peruntukan Khas YB. TKM 2 – **LAMPIRAN C**;
 - (d) Peruntukan Khas YB. ADUN – **LAMPIRAN D**; dan
 - (e) Peruntukan Jawatankuasa MMK HAWA, HEBI dan Pembangunan Sosial – **LAMPIRAN E**.

LAMPIRAN A2

SENARAI SUMBANGAN YG TELAH DILULUSKAN OLEH YAB KM PADA TAHUN 2025

Bil	Tarikh Diluluskan / Tarikh Surat	Persatuan / Pemohon	Tujuan / Tajuk
1	9/1/2025	Penang Cheshire Home	Jemputan Ke Majlis Perasmian "17th Penang Cheshire Agoonoree" Dan Permohonan Sumbangan Bagi Kem Tersebut
2	10/1/2025	Kelab Rakan Prihatin Pulau Pinang	Permohonan Peruntukan Yab Ketua Menteri Pulau Pinang Sebanyak Rm 5,000.00 (Lima Ribu) Untuk Program Kayuhan Amal 3.0 Tahun 2025 - Jelajah Seberang Perai Tengah Bersama Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang
3	10/1/2025	Penang Community Harmony Care Association / Persatuan Prihatin Komuniti Harmoni Pulau Pinang	Permohonan Peruntukan Untuk Penggambaran Mv Tahun Baru Cina 2025 Yang Bertema Pulau Pinang
4	10/1/2025	Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang	Permohonan Sumbangan Untuk Majlis Sambutan Tahun Baru Cina 2025 Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang
5	15/1/2025	Rumah Orang Tua Jubli Perak	Invitation To Silver Jubilee Home Annual Cny Celebration Dinner
6	16/1/2025	Persatuan Kebajikan Jiran Baik Pulau Pinang	Appeal For Community Fund 2025
7	13/2/2025	Kelab Kebajikan Komuniti Islam Pulau Pinang	Memohon Sumbangan Untuk Program Ihya Ramadhan Al-Mubaraka 1446H/2025M
8	3/3/2025	Persatuan Sukan Orang Pekak Pulau Pinang	Permohonan Sumbangan Makanan Dan Minuman Bagi Rumah Terbuka Tahun Baru Cina 2025
9	13/3/2025	Pertubuhan Anak Muda Pulau Pinang	Memohon Sumbangan Dan Jemputan Untuk Penyampaian Bakul Makanan Kepada Fakir Miskin
10	20/3/2025	Persatuan Penyayang Warga Tua Pulau Pinang (PSCCA)	Request For Financial Assistance For The Pscga Food & Fun Fair
11	26/3/2025	Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang	Permohonan Sumbangan Untuk Majlis Sambutan Hari Aidilfitri Warga Pekak Pulau Pinang Anjuran Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang
12	27/3/2025	Persatuan Menolong Haiwan-Haiwan Seberang Perai, Pulau Pinang	Per : Memohon Bantuan Kewangan Untuk Pembinaan Longkang (Flood Mitigation Drainage), Taman Rekreasi Haiwan (Dog Park) Serta Aktiviti Gotong-Royong
13	28/3/2025	Comunity Aids Service Penang	Humble Appeal For Financial Assistance To Sustain Casp Shelter Home
14	9/4/2025	Majlis Pusat Kebajikan Semalaysia (MPKSM)	Permohonan Bantuan Kewangan Untuk Perbelanjaan Harian Pusat Jagaan Rumah Sejahtera Permatang Tinggi Dan Majlis Perasmian Pusat Jagaan Rumah Sejahtera Bertam

PERUNTUKAN KHAS Y.B. TIMBALAN KETUA MENTERI (I) KEPADA NGO/NGI TAHUN 2024

Bil.	Kepada	Tujuan
1	PERSATUAN KEBAJIKAN DAN REKREASI MAHSURI PULAU PINANG	Sumbangan Bagi Membiayai Program Kejohanan Sepak Takraw Piala TKM I Pulau Pinang Tahun 2024
2	PERSATUAN WARISAN SEETEE AISAH	Bayaran Bagi Membiayai Sumbangan Wakaf Al-Quran kepada Anak Yatim dan Pondok Tahfiz Tahun 2024
3	PERSATUAN WAWASAN PULAU PINANG	Sumbangan Bagi Membiayai Kejohanan Badminton Tertutup Kepala Batas Tahun 2024
4	PERTUBUHAN KOMUNITI PENDIDIK PULAU PINANG	Sumbangan Bagi Membiayai Program Kenduri Sambutan Bulan Ramadan Al-Mubarak Tahun 2024
5	GERAKAN BELIA 4B MALAYSIA KAWASAN BAYAN BARU	Sumbangan Bagi Membiayai Program Back To School Dun Batu Maung Tahun 2024
6	KELAB BOLA SEPAK KONGSI BALIK PULAU	Sumbangan Bagi Membiayai Bantuan Pembelian Barang Kelengkapan untuk Pasukan Kelab Tahun 2024
7	KELAB KEBAJIKAN KOMUNITI ISLAM PULAU PINANG	Sumbangan Bagi Membiayai Program Ihya Ramadan Al-Mubarak Tahun 2024
8	PERTUBUHAN IKRAM MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG	Sumbangan Bagi Membiayai Program Majlis Ramah Mesra Perpaduan Sempena Ramadan Tahun 2024
9	KOPERASI KOLEJ KOMUNITI BAYAN BARU BHD	Sumbangan Bagi Membiayai Program Raikan Cinta Ramadan Peringkat Kolej Komuniti Bayan Baru Tahun 2024
10	KELAB KEBAJIKAN DAN SUKAN PDT DBD	Sumbangan Bagi Membiayai Penyertaan Kontinjen PDTBD dalam Kejohanan Sukan Petanda Tahun 2024

Bil.	Kepada	Tujuan
11	GERAKAN BELIA 4B MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG	Sumbangan Bagi Membiayai Majlis Khatam Al-Quran Belia Pulau Pinang Tahun 2024
12	PERTUBUHAN KEBAJIKAN 1998 MADANI PULAU PINANG	Sumbangan Bagi Membiayai Program Jamuan Aidilfitri Otai Madani Pulau Pinang Tahun 2024
13	PERSATUAN SEPAK TAKRAW SEBERANG PERAI UTARA (2021)	Sumbangan Bagi Membiayai Kejohanan Sepak Takraw Piala Perpaduan TKM I Pulau Pinang Tahun 2024
14	SPASTIC CHILDREN'S ASSOCIATION OF PENANG (PERSATUAN KANAK-KANAK CEREBRAL PALSY) SPASTIK PP	Sumbangan Bagi Membiayai Pembelian Peralatan Fisioterapi Kanak-kanak Spastik Tahun 2024
15	PERSATUAN KOMUNITI SHAHBANDAR	Sumbangan Bagi Membiayai Program Jiwa Madani Tahun 2024
16	PERSATUAN PEMBIMBING BELIA ISLAM PULAU MUTIARA	Sumbangan Bagi Membiayai Program Perkampungan Menara Gading Utara Tahun 2024
17	PERSATUAN SEPAK TAKRAW DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH	Sumbangan Bagi Membiayai Kejohanan Sepak Takraw Piala TKM I Pulau Pinang Tahun 2024
18	PERSATUAN GURU-GURU KAUNSELING MAJLIS GURU KAUNSELING DAERAH SPU	Sumbangan Bagi Membiayai Karnival Kerjaya dan Jelajah Pendidikan Luar Bandar Tahun 2024
19	PERTUBUHAN KEGIATAN DAKWAH ISLAMIAH SEKOLAH-SEKOLAH MALAYSIA CAWANGAN PP (PEKDIS)	Sumbangan Bagi Membiayai Program Majlis Bicara Wahyu Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2024
20	GERAKAN BELIA 4B MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG	Sumbangan Bagi Membiayai Program Sungai Bakap Berselawat Perpaduan Teras Keharmonian Tahun 2024
21	PERTUBUHAN PENGGERAK ANAK MUDA MALAYSIA	Sumbangan Bagi Membiayai Program Kem Kepimpinan Intelektual Belia Tahun 2024
22	PERTUBUHAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT SEJAHTERA (PPMS)	Sumbangan Bagi Membiayai Majlis Meraikan Penerima Darjah Kebesaran Negeri Pulau Pinang Tahun 2024 dan Pengagihan Bantuan Zakat 2024

Bil.	Kepada	Tujuan
23	PERTUBUHAN PEMULIHAN DALAM KOMUNITI AROMA KASIH	Sumbangan Bagi Membiayai Aktiviti Special Need Camp and Family Day PPDK Aroma Kasih Tahun 2024
24	KELAB REKREASI PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN PULAU PINANG	Sumbangan Bagi Membiayai Kejohanan Bola Sepak Peringkat Kebangsaan Kali ke-3 Tahun 2024
25	KELAB MOTOSIKAL ANTIK	Sumbangan Bagi Membiayai Aktiviti Semalaya 2.0 untuk Mengelilingi Seluruh Negeri Semenanjung Malaysia 2024 Sempena Merdeka
26	PERSATUAN SEPAK TAKRAW DAERAH TIMUR LAUT PP	Sumbangan Bagi Membiayai Program Penang Sepak Takraw League Tahun 2024
27	PERSATUAN PENDUDUK RUMAH KLASTER DESA MAYANG	Sumbangan Bagi Membiayai Program Hari Kemerdekaan Tahun 2024
28	KELAB KEBAJIKAN DAN SOSIAL KAKITANGAN KOLEJ MATRIKULASI PP	Sumbangan Bagi Membiayai Pasukan Bolasepak Kolej Matrikulasi Pulau Pinang Tahun 2024
29	PERSATUAN PENDUDUK DESA RIA SUNGAI ARA PULAU PINANG	Sumbangan Bagi Membiayai Awning di Kutipan E Waste Desaria Tahun 2024
30	KOPERASI IBU TUNGGAL DAN WANITA SEBERANG PERAI TENGAH BERHAD	Sumbangan Bagi Membiayai Program Hari Keluarga Koperasi Tahun 2024
31	KELAB FUTSAL JALAN MENGKUANG	Sumbangan Bagi Membiayai Program Sukan Bola Sepak 7 Sebelah Tahun 2024
32	PERSATUAN AMBULANS KOMUNITI SUNGAI ARA	Sumbangan Bagi Membiayai Kos Membaiki Pusat Operasi Ambulans Tahun 2024
33	KELAB SUKAN KEKAL CERGAS SUNNAH PULAU PINANG (STAY FIT SUNNAH SPORTS CLUB PENANG)	Sumbangan Bagi Membiayai Program Larian Solidariti We Love Prophet Muhammad SAW Tahun 2024
34	GERAKAN BELIA 4B KAWASAN NIBONG TEBAL	Sumbangan Bagi Membiayai Program Generasi Pulau Pinang 2030 Tahun 2024

Bil.	Kepada	Tujuan
35	PESSCA (PPD PULAU) - PERSATUAN SUKAN DAN KEBUDAYAAN PERKHIDMATAN PELAJARAN PP PESSCA PEJABAT PENDIDIKAN	Sumbangan Bagi Membiayai Karnival Pemulihan Khas Daerah Timur Laut Pulau Pinang Tahun 2024 DTL
36	KELAB KEBAJIKAN DAN SOSIAL KAKITANGAN KOLEJ MATRIKULASI PP	Sumbangan Bagi Membiayai Karnival Stem Matrikulasi (MaSCar) 2024 Peringkat Kebangsaan
37	PERTUBUHAN PENGGERAK MUFAKAT BAGAN SEBERANG PERUTARA	Sumbangan Bagi Membiayai Kos Pengurusan Baik Pulih Kepada Mangsa Banjir dan Ribut Tahun 2024
38	PERSATUAN PEMANDU TEKSI LTAB P PINANG (PERSATUAN PEMANDU LIMO DAN TEKSI LTAB PULAU PINANG)	Sumbangan Bagi Membiayai Kos Membaiki Bumbung dan Awning di Pavillion Teksi Lapangan Terbang PP
39	PESSCA (PPD PULAU) - PERSATUAN SUKAN DAN KEBUDAYAAN PERKHIDMATAN PELAJARAN PP PESSCA PEJABAT PENDIDIKAN	Sumbangan Bagi Membiayai Program Excellency'07 SPM Tahun 2024 DTL
40	GERAKAN BELIA 4B MALAYSIA KAWASAN BAYAN BARU	Sumbangan Bagi Membiayai Kejohanan Sepak Takraw Bayan Baru Tahun 2024
41	PERTUBUHAN KEBAJIKAN ANAK DESA PULAU PINANG	Sumbangan Bagi Membiayai Program Ride Madani Jiwa Merdeka Teluk Intan Tahun 2024
42	PERSATUAN KEBAJIKAN INTEGRASI ILMIAH PULAU PINANG	Sumbangan Bagi Membiayai Pemberian Bakul Makanan Sempena Deepavali Tahun 2024
43	KELAB REKREASI SUNGAI ARA	Sumbangan Bagi Membiayai Lawatan ke Sepang International Circuit Petronas Grand Prix Malaysia Tahun 2024
44	PERTUBUHAN WIRAWATI AMAL MUTIARA KASIH PULAU PINANG	Sumbangan Bagi Membiayai Program Jom Selawat Tahun 2024
45	PERSATUAN BOMBA SUKARELA BATU MAUNG PULAU PINANG	Sumbangan Bagi Membiayai Kos Penyelenggaraan Kenderaan Bomba Tahun 2024

Bil.	Kepada	Tujuan
46	KELAB WANITA PERMATA PULAU PINANG	Sumbangan Bagi Membiayai Program Semarak Perpaduan Madani Tahun 2024
47	KELAB JALINAN MUHIBAH PULAU PINANG	Sumbangan Bagi Membiayai Program Jelajah Pulau Pinang Madani Tahun 2024
48	KES PENGHULU PENGGAWA SEM M'SIA CAW PP	Sumbangan Bagi Membiayai Kontinjen Kesatuan Penghulu Negeri PP ke Karnival Sukan dan Pemukiman Kesatuan Penghulu Penggawa Semenanjung Malaysia Tahun 2024
49	PERSATUAN SEPAKTAKRAW DAERAH BARAT DAYA	Sumbangan Bagi Membiayai Kejohanan Sepak Takraw Piala Perpaduan Tahun 2024
50	GERAKAN BELIA 4B MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG	Sumbangan Bagi Membiayai Program Larian Saya Anak Penang Tahun 2024
51	PERTUBUHAN ANAK BANGSA MALAYSIA PULAU PINANG (ABM)	Sumbangan Bagi Membiayai Kejohanan Frisbee Penang Grand Ultimate Tournament Tahun 2024

PERUNTUKAN KHAS Y.B. TIMBALAN KETUA MENTERI (II) KEPADA NGO/NGI TAHUN 2024

Bil.	Kepada	Tujuan
1	PERSATUAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT NEGERI PULAU PINANG	Sumbangan Bagi Membiayai Kursus Penyediaan Biskut Raya Tahun 2024
2	PERTUBUHAN KEBAJIKAN SETIA IKHLAS PULAU PINANG	Bayaran bagi Membiayai Aktiviti yang dianjurkan pada Tahun Baru Cina 2024
3	PERSATUAN PENDUDUK TAMAN ABIDIN, JALAN PERAK, PULAU PINANG	Sumbangan Bagi Membiayai Kerja-kerja Menurap Jalan serta Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan di Taman Abidin
4	PERSATUAN WADDA GURDWARA SAHIB PULAU PINANG	Sumbangan Bagi Membiayai Kejohanan Golf dan Majlis Makan Malam Persatuan Wadda Gurdwara Sahib Pulau Pinang Tahun 2024
5	PERSATUAN PESARA KERAJAAN MALAYSIA CAWANGAN NEGERI PULAU PINANG	Sumbangan Bagi Membiayai Mesyuarat Agung Tahunan 2024 Kali ke-24
6	PERTUBUHAN KEBAJIKAN TAMAN ABIDIN GEORGETOWN	Sumbangan Bagi Membiayai Majlis Gotong Royong sempena Hari Raya Aidiladha Tahun 2024
7	SPASTIC CHILDREN'S ASSOCIATION OF PENANG (PERSATUAN KANAK-KANAK CEREBRAL PALSY SPASTIK PP)	Sumbangan Bagi Membiayai Pembelian Peralatan Fisioterapi dan Hidroterapi Tahun 2024
8	MALAYSIA HINDU SANGAM	Sumbangan Bagi Membiayai Pembelian Kerusi untuk Kegunaan Program anjuran Malaysia Hindu Sangam
9	PERSATUAN PENGANUT DEWA TIAN EN TAN DTL PP (P.P. DEWA TIAN EN TAN DTL PULAU PINANG)	Sumbangan Bagi Membiayai Pembinaan, Pemeliharaan dan Naik Taraf Bangunan Persatuan
10	PERSATUAN PENGANUT DEWA SRI DHARMA BHADRAKALIAMMAN	Sumbangan Bagi Membiayai Makanan untuk Program Annual Fire Walking Festival Ceremony Tahun 2024

Bil.	Kepada	Tujuan
11	PERBANDANAN PENGURUSAN SRI INDAH WONDER	Sumbangan Bagi Membiayai Kos Projek Pembaikan Tangki di Kompleks Sri Wonder PP Tahun 2024
12	INDIAN ASSOCIATION PENANG PERSATUAN INDIA PULAU PINANG	Sumbangan Bagi Membiayai Program Darts Tournament Tahun 2024
13	PERSATUAN PENGANUT DEWI SRI MAHA MARIAMMAN	Sumbangan Bagi Membiayai Perayaan Meranduk Api Tahun 2024 Kuil Dewi Sri Maha Mariamman Juru
14	HALAMAN KRISTAL RESIDENTS ASSOCIATION	Sumbangan Bagi Membiayai Jamuan Makan Malam pada Perayaan Hungry Ghost Tahun 2024
15	PERSATUAN MENYAMPUT PERAYAAN PHOR THOR SRI TANJUNG DTL PULAU PINANG	Sumbangan Bagi Membiayai Program Perayaan Phor Thor Sri Tanjung Tahun 2024
16	PERSATUAN MENYAMPUT PERAYAAN TAI SHU YAH	Sumbangan Bagi Membiayai Jamuan Makan Malam pada Perayaan Hungry Ghost Tahun 2024
17	PERTUBUHAN KEBAJIKAN SETIA IKHLAS PULAU PINANG	Sumbangan Bagi Membiayai Charity Dinner Tahun 2024
18	PERSATUAN VETERAN INDIA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (PERIM)	Sumbangan Bagi Membiayai Aktiviti dan Program PERIM Tahun 2024
19	PERTUBUHAN GURDWARA SAHIB-BUTTERWORTH	Sumbangan Bagi Membiayai Penganjuran Sukan Tahunan Maspore Sikh Games Tahun 2024
20	PERTUBUHAN PENDIDIKAN VIDHYAA SHRIEE PULAU PINANG	Sumbangan Bagi Membiayai Seminar SPM Fasa 2 Tahun 2024

Bil.	Kepada	Tujuan
21	PERSATUAN KEBAJIKAN DAN REKREASI MAHSURI	Sumbangan Bagi Membiayai Kejohanan Sepak Takraw Piala TKM II Pulau Pinang Tahun 2024
22	PERSATUAN MENYAMPUT PERAYAAN PHOR THOR SRI TANJUNG DTL PULAU PINANG	Sumbangan Bagi Membiayai Pertandingan Mewarna Tahun 2024
23	KELAB PEMBANGUNAN TVET DAN USAHAWAN PULAU PINANG	Sumbangan Bagi Membiayai Pembelian Peralatan untuk Kegunaan Promosi dan Operasi Kelab TVET Tahun 2024
24	KELAB KERETA BERKUASA TINGGI UTARA	Sumbangan Bagi Membiayai Aktiviti Amal Kelab Kereta Berkuasa Tinggi Utara Tahun 2024
25	MMICARE ASSOCIATION	Sumbangan Bagi Membiayai Miss Malaysiaindian Global Community and Environment Awareness Programme Tahun 2024
26	THE RAMAKRISHNA ASHRAMA PENANG	Sumbangan Bagi Membiayai Perbelanjaan Tahunan The Ramakrishna Ashrama PNG 2024
27	PERSATUAN BOLASEPAK INDIA PULAU PINANG (PENANG INDIAN FOOTBALL ASSOCIATION)	Sumbangan Bagi Membiayai Kejohanan Bola Sepak Tahun 2024
28	PERSATUAN WADDA GURDWARA SAHIB PULAU PINANG	Sumbangan Bagi Membiayai Perkuburan Kaum Sikh Tahun 2024
29	RUMAH AMAL CHESHIRE PULAU PINANG	Sumbangan Bagi Membiayai Sambutan Hari Orang Kurang Upaya DTL Tahun 2024
30	PERSATUAN BINTANG-BINTANG BERSINAR PULAU PINANG	Sumbangan Bagi Membiayai Program Special Need Children's Day Tahun 2024
31	SERVICE CIVIL INTERNATIONAL PENANG	Sumbangan Bagi Membiayai International Peace Conference Tahun 2024
32	LIONS CLUB OF PENANG OUTREACH	Sumbangan Bagi Membiayai Projek Gift of Love Tahun 2024
33	PENANG FO YI HAEMODIALYSIS SOCIETY	Sumbangan Bagi Membiayai Pusat Dialisis Tahun 2024

PERUNTUKAN KHAS Y.B. TIMBALAN KETUA MENTERI (II) KEPADA NGO/NGI TAHUN 2025

Bil.	Kepada	Tujuan
1	SIKH NAUJAWAN SABHA MALAYSIA - PG. BR.	SUMBANGAN BAGI MEMBIAYAI PROGRAM SIKH YOUTH CAMP TAHUN 2025
2	PERSATUAN BEKAS PELAJAR SEKOLAH TAMIL MALAYSIA (PERTAMA) CAWANGAN NEGERI PULAU PINANG	SUMBANGAN BAGI MEMBIAYAI PROGRAM SEMPENA SAMBUTAN THAIPUSAM TAHUN 2025
3	KELAB POLIS DAERAH BALIK PULAU	SUMBANGAN BAGI MEMBIAYAI PROGRAM COMMUNITY POLICING DAN THANEER PANTHAL PDRM PP SEMPENA SAMBUTAN THAIPUSAM TAHUN 2025
4	STATE CHINESE (PENANG) ASSOCIATION	SUMBANGAN BAGI MEMBIAYAI SAMBUTAN PERAYAAN CHAP GOH MEH TAHUN 2025
5	PERTUBUHAN KEBAJIKAN SETIA IKHLAS PULAU PINANG	SUMBANGAN BAGI MEMBIAYAI CHARITABLE EVENTS TAHUN 2025 ANJURAN PERTUBUHAN KEBAJIKAN SETIA IKHLAS PULAU PINANG
6	PERTUBUHAN URIMAIKURAL NEGERI PULAU PINANG	SUMBANGAN BAGI MEMBIAYAI PROGRAM SUMBANGAN BARANG-BARANG SEKOLAH KEPADA MURID-MURID DI SRJKT TAHUN 2025
7	PERTUBUHAN KEBAJIKAN TAMILAN UTHAVUM KARANGKAL MALAYSIA (2017)	SUMBANGAN BAGI MEMBIAYAI THAIPUSAM CHARITY CELEBRATION TAHUN 2025 IN PENANG
8	PERTUBUHAN PENDIDIKAN PERPADUAN PULAU PINANG	SUMBANGAN BAGI MEMBIAYAI PROGRAM BRIDGING THE EDUCATION GAP FOR FORM 5 STUDENTS IN PENANG TAHUN 2025

PERUNTUKAN YB ADUN KEPADA NGO/NGI/PERSATUAN SEHINGGA 31 MAC 2025

BIL	KEPADA	TUJUAN
1	Kelab Bolasepak Butterworth City	Sumbangan Untuk Pertandingan Bola Sepak Moey Kok Hong Dan Majlis Makan Malam Cny 2025
2	Dewan Perniagaan & Perindustrian Belia India Pulau Pinang	Sumbangan Untuk Majlis Sambutan Malam Ponggal 2025
3	Persatuan Kebudayaan & Sukan Thang Loong	Sumbangan Untuk Pembelian Maskot Tarian Singa Sempena Tahun Baru Cina 2025
4	Persatuan Penganut Dewa Kim Suah Pek Kong	Sumbangan Untuk Jamuan Pertubuhan Penganut Dewa Kim Suah Pek Kong Taman Segemal Butterworth
5	Persatuan Penganut Kuil Sri Maha Muthu Mariamman Jada Muniswarar	Sumbangan Untuk Perayaan Maha Kumbabhishegam Kuil
6	Lwhnpp- Kuil Sree Mariamman Butterworth	Sumbangan Untuk Program Unity Ponggal 2025
7	Rumah Berhala Guan Ying Ting Dou Mu Gong	Sumbangan Untuk Program Rumah Terbuka Tahun Baru Cina 2025
8	Persatuan Penganut Dewa Nam Suah Tuah	Sumbangan Sempena Perayaan Chap Goh Mei
9	Persatuan Dravidian Malaysia Negeri Pulau Pinang	Sumbangan Untuk Pesta Ponggal 2025
10	Kar Har Tong Ooi Si Chon Soo	Sumbangan Untuk Majlis Perayaan Tahun Tahun Baru Cina Kar Har Tong Ooi Si Chong Soo
11	Pertubuhan Urimaikural Negeri Pulau Pinang	Sumbangan Untuk Program Sumbangan Barang-Barang Sekolah Kepada Murid-Murid Srjkt
12	Pertubuhan Penganut Dewa Hock Teik Taman Bagan	Sumbangan Untuk Jamuan Makan Malam Dan Sembahyang Dewa Hock Teik Taman Bagan
13	Surau Kampung Perlis	Sumbangan Untuk Program Ramadan 2025 Di Surau Kg Perlis
14	Persatuan Kebajikan Warisan Pulau Pinang	Sumbangan Untuk Taneer Panthal Sempena Mahasivarathiri Kuil Shiva Peruman Jln Telaga Ayer
15	DAP Brunei Pudu Branch Dap Veterans Club	Sumbangan Untuk Majlis Makan Malam Dan Konvensyen Kelab Veteran Dap Kebangsaan Ke-6
16	Pertubuhan Kebajikan Kemajuan Pendidikan Pulau Pinang	Sumbangan Untuk Program Anugerah Cemerlang Seni
17	Tetuan Surau Al-Akhbar	Sumbangan Untuk Program Penghayatan Bulan Ramadan 2025
18	Tetuan Pibg Sek Keb Kuala Perai	Sumbangan Tabung Kasih Ramadan 2025
19	Persatuan Chingay Seberang Perai Pulau Pinang	Sumbangan Untuk Majlis Makan Malam
20	PIBG Srjkt (T) Bukit Mertajam	Sumbangan Untuk School Management Book Srjkt Bukit Mertajam

BIL	KEPADA	TUJUAN
21	PUSPANITA	Mesyuarat Agung
22	Malaysian Institute Training And Development	Persidangan Artdo Ke 52
23	Pertubuhan Anak Bangsa Malaysia Pp	Programback To School
24	Chong Beng Seah Tan Si Chong Soo	Program Tahun Baru Cina
25	Perbadanan Pengurusan Blok K	Gotong Royong Blok K
26	Krt Panatai Jerejak	Baju T Kumpulan Taichi Pj
27	Pertubuhan Penganut Heng Leng Kong	Program Hari Jadi Tua Pek Kong
28	Pertubuhan Kebajikan 1998 Madani Pp	Pro Jelajah Perpaduan Otai Madani
29	Per Penduduk Kpg Perlis Bworth Pp	Pro Bulan Puasa
30	Krt Pantai Jerejak Pp	Bantuan Guaman
31	Unit Nelayan Gelugor	Mesyuarat Agung
32	Surau Kristal Idaman	Program Berbuka Puasa
33	Surau As Syakirin	Program Berbuka Puasa
34	Surau Al Latif	Program Berbuka Puasa
35	Surau Islahiah	Program Berbuka Puasa
36	Kelab Bina Badan Batu Uban	Pro Jamuan Raya
37	Pibg Sk Sg Nibong	Pembelian Baju Jersi Dan Kasut
38	Qaryah Masjid Umar Ibnu Al Khattab	Pro Kasih Ramadan Biro Kebajikan
39	J/K Qaryah Masjid Al Iltifaq	Pro Berbuka Puasa
40	Majlis Permuafakatan Islam	Majlis Iftar Jamaie Pelajar Asrama
41	Surau At-Taqwa Dpiazza	Pro Berbukapuasaa
42	Per Penganut Dewa Nan Fu Gong Bandar Bayan Baru	Sambutan Hari Jadi Tua Pek Kong
43	PIBG SK PERMATANG BERTAM	Sumbangan Untuk Majlis Apresiasi SK Permatang Bertam Sesi 2024/2025
44	WANITA PERPADUAN KEPALA BATAS	Sumbangan Barangan Elektrik Untuk Hadiah Sempena Program Senamrobik
45	KAMPUNG PERMATANG KUALA, KEPALA BATAS	Sumbangan Khemah untuk Kampung Permatang Kuala
46	PIBG SK PERMATANG BERTAM	Sumbangan Kerusi Sandar Berwarna Hitam Kepada Pihak Sekolah
47	Pertubuhan Penganut Kepercayaan Thean Hor Seah Bor, Kampung Jawi	Sumbangan untuk program dan sambutan Perayaan Tahun Baharu China 2025
48	Sekolah Agama Nurul Falah, Taman Berjaya, Nibong Tebal	Sumbangan untuk Majlis Ithfal Sekolah Agama Nurul Falah, Taman Berjaya, Nibong Tebal

BIL	KEPADA	TUJUAN
49	MPKK Nibong Tebal	Sumbangan untuk Perayaan Keagamaan Kuil Dewa Sri Madurai Veeran, Jalan Atas, Nibong Tebal.
50	Malaysia Hindu Sangam Nibong Tebal	Sumbangan untuk Perayaan Ponggal Vizha 2025.
51	Persatuan Ibubapa Guru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Ladang Jawi.	Sumbangan untuk Majlis Hari Anugerah Kecemerlangan SJKT Ladang Jawi 2024/2025.
52	Pertubuhan Keamanan Sukarelawan Seberang Perai Selatan Pulau Pinang.	Sumbangan untuk dana Pertubuhan Keamanan Sukarelawan Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.
53	PIBG Sekolah Menengah Kebangsaan Jawi	Sumbangan untuk aktiviti dan program sekolah.
54	Masjid Daerah Seberang Perai Selatan	Sumbangan untuk program Ihya' Ramadhan 1446H / 2025M
55	Rumah Berhala Thean Hor Seah Bor, Sungai Udang, Nibong Tebal.	Sumbangan untuk Majlis Perayaan Tahun Baharu Cina 2025.
56	Persatuan Penganut Dato Alee Taman Bunga Jaya	Sumbangan untuk dana dan aktiviti Persatuan Penganut Dato Alee Taman Bunga Jaya.
57	MPKK Kampung Changkat Baruh	Sumbangan untuk Perayaan Hari Ponggal MPKK Changkat Baruh.
58	Lembaga Sekolah Pai Teik Nibong Tebal	Sumbangan untuk dana dan aktiviti Lembaga Sekolah Pai Teik Nibong Tebal
59	Pancaragam SRJK C Pai Teik, Nibong Tebal.	Sumbangan untuk program dan aktiviti kumpulan pancaragam.
60	Surau Taman Desa Jawi.	Sumbangan untuk kacau bubur sempena bulan puasa (Bulan Ramadhan).
61	Persatuan Penganut Dewi Arulmigu Annai Maha Mariamman	Sumbangan untuk Perayaan Merandok Api Persatuan Penganut Dewi Arulmigu Annai Maha Mariamman.
62	Persatuan Penganut Dewa Na Tok Kong Jalan Kelang , Nibong Tebal	Sumbangan untuk dana dan aktiviti persatuan.
63	Seberang Perai Selatan.	
64	MPKK Changkat Seberang Perai Selatan	Sumbangan untuk program gotong royong di Masjid Changkat Nibong Tebal.
65	Persatuan Veteran ATM (PVATM) Cawangan Seberang Perai Selatan.	Sumbangan untuk Perayaan Hari Raya Aidilfitri tahun 2025.
66	Persatuan Bekas Murid-Murid Sekolah Pai Teik, Nibong Tebal.	Sumbangan untuk dana dan aktiviti persatuan.
67	PIBG SRJKC @ Chong Kuang AC2	Sumbangan untuk dana untuk tabung aktiviti sekolah.
68	SJKC Kuang Yu-Building Fund	Sumbangan untuk dana dan tabung pembinaan bangunan sekolah.
69	Junior Chamber International Nibong Tebal.	Sumbangan untuk dana dan tabung aktiviti persatuan.

BIL	KEPADA	TUJUAN
70	Surau An NurTaman Sintar Indah, Nibong Tebal.	Sumbangan untuk program Ihya' Ramadhan 2025
71	Persatuan Keturunan Liu Kwee Tang	Sumbangan untuk dana Persatuan Keturunan Liu Kwee Tang.
72	Pertubuhan Penganut Kepercayaan Theran Hor Seah Bior Kampung Jawi	Sumbangan untuk majlis menyambut ulang tahun pertubuhan
73	MPKK Changkat Seberang Perai Selatan.	Sumbangan untuk program santai bersama pemuda dan KRT Bagan Buaya Changkat.
74	PIBG SK PERMATANG BERTAM	Sumbangan Untuk Majlis Apresiasi SK Permatang Bertam Sesi 2024/2025
75	WANITA PERPADUAN KEPALA BATAS	Sumbangan Barangan Elektrik Untuk Hadiah Sempena Program Senamrobik
76	KAMPUNG PERMATANG KUALA, KEPALA BATAS	Sumbangan Khemah untuk Kampung Permatang Kuala
77	PIBG SK PERMATANG BERTAM	Sumbangan Kerusi Sandar Berwarna Hitam Kepada Pihak Sekolah
78	PERTUBUHAN PENGANUT POH ONG DIAN BUTTERWORTH PULAU PINANG	SUMBANGAN-PEMBAIKPULIH BUMBUNG TOKONG PERTUBUHAN-7/1/2025
79	PERTUBUHAN PENGANUT DEWA KIM SUAHEK KONG TAMAN SEGEMAL	SUMBANGAN-JAMUAN TAHUNAN PERTUBUHAN PADA 17/01/25
80	PERSATUAN PERGANUT DEWA HOCK TEIK TAMAN DAHLIA	SUMBANGAN MEMBAIKI LAMPU SPORTLIGHT DI GELANGGANG BOLA KERANJANG DI SEKITAR
81	PERSATUAN IBU BAPA GURU-GURU SEK KWONG HWA	SUMBANGAN-PROGRAM WALK INTO PROSPERITY SJKC KWONG HWA 12/01/25
82	CHE WEE KHOR MORAL UPLIFTING SOCIETY	SUMBANGAN- MAJLIS JAMUAN MAKAN TENGAH HARI SEMPENA ULANG TAHUN KE-64 31/01/25
83	RUMAH BERHALA GUAN YIN TING DOU MU GONG	SUMBANGAN-PROGRAM RUMAH TERBUKA SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2025 PADA 11/02/25
84	PERSATUAN PENGANUT DEWA LAM SIN KEONG PULAU PINANG	SUMBANGAN-MAJLIS PECAH TANAH 09/02/25
85	PERSATUAN BOMBA SUKARELA PAYA TERUBONG	SUMBANGAN-MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM AWAL TAHUN BARU CINA 2025 PADA 08/02/25

BIL	KEPADA	TUJUAN
86	MRCS PENANG BRANCH	SUMBANGAN-MAJLIS PELANCARAN & OPERASI PERKHIDMTAN AMBULANS PADA 26/01/25
87	PPD DEWA WUDONG SHAN BEI JIXIANN TIAN SHANG DI	SUMBANGAN-UPACARA SEMBAYANG & PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA WARGA EMAS & MISKIN 03/02/25
88	PERSATUAN KEBAJIKAN BERSIKAP MURAH HATI BUTTERWORTH, SEBERANG PERAI UTARA	SUMBANGAN-MAJLIS MAKAN MALAM TAHUN BARU CINA 2025 PADA 09/02/25
89	PERSATUAN PENGANUT DEWA HOCK TEIK (LUCKY PARK)	SUMBANGAN-PERAYAAN TAHUN BARU 2025 PADA 10/02/25
90	PERSATUAN ORKES TIONG HUA SEKOLAH MENENGAH CHUNG LING BUTTERWORTH	SUMBANGAN-KONSERT ORKESTRA CINA KE-20 TAHUN 2025
91	PERSATUAN PENGANUT DEWA TANG HAI, KAMPONG SIMPAH BUTTERWORTH	SUMBANGAN-PROGRAM MENONTON WAYANG BERSAMA GOLONGAN TIDAK BERKEMAMPUAN & B40
92	KRT TAMAN MESRA PERMAI	SUMBANGAN-PERAYAAN TAHUN BARU CINA 2025 & JAMUAN MAKAN MALAM 23/02/25
93	PERTUBUHAN PENGANUT DEWA LIN YIN	SUMBANGAN-AKTIVITI SEMBAYANG DEWA PIAO PIAO JI GONG HUO FO PADA 01/03/25
94	PERSATUAN PENGANUT DEWA TANG HAI KAMPUNG SIMPAH	SUMBANGAN-PERAYAAN JI GONG PADA 01/03/25-04/03/25
95	PERSATUAN PENGANUT DEWA NAN SHAN BO GONG	SUMBANGAN-MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM PADA 4/3/25
96	PERSATUAN PENDERMA DARAH AIXIN PULAU PINANG	SUMBANGAN-KEMPEN DERMA DARAH SEPANJANG TAHUN
97	PERSATUAN PENGANUT-PENGANUT LENG ENG KENG BUTTERWORTH	SUMBANGAN-PROGRAM JAMUAN MAKAN MALAM & SEMBAYANG CHENG BENG PADA 30/03/25
98	PERSATUAN KECERGASAN PULAU PINANG	BIAYAI PROGRAM PERAYAAN TAHUN BARU CINA TAHUN 2025 ANJURAN PERSATUAN KECERGASAN PULAU PINANG (02.02.2025)
99	PERSATUAN PERMANDU-PEMANDU TEKSI GOLDEN SANDS	BIAYAI SEBAHAGIAN KOS PROGRAM MAKAN MALAM ULANG TAHUN KE-25 PERSATUAN TEKSI GOLDEN SANDS ANJURAN PERSATUAN PERMANDU-PEMANDU TEKSI GOLDEN SANDS (25.01.2025)
100	PERSATUAN KENU NEGERI PULAU PINANG	BIAYAI SEBAHAGIAN KOS PROGRAM PENANG WATER SPORTS TAHUN 2025 ANJURAN PERSATUAN KENU NEGERI PULAU PINANG (22.2.2025)

BIL	KEPADA	TUJUAN
101	UN KHUAY HOEY KUAN	BIAYAI SEBAHAGIAN KOS PROGRAM ULANG TAHUN KE- 106 ANJURAN UN KHUAY HOEY KUAN (08.02.2025)
102	PERSATUAN PEMANDU-PEMANDU TEKSI PERSIARAN GURNEY, PULAU PINANG	BIAYAI SEBAHAGIAN KOS PROGRAM MAJLIS MAKAN MALAM TAHUN 2025 ANJURAN PERSATUAN PEMANDU-PEMANDU TEKSI PERSIARAN GURNEY, PULAU PINANG (20.02.2025)
103	YL SKY LIGHT ENTERPRISE	BEKAL PAKAIAN SEKOLAH KEPADA KOMUNITI DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MPKK SEMARAK API
104	PERSATUAN PENJAJA-PENJAJA KECIL LORONG KULIT PULAU PINANG	BIAYAI SEBAHAGIAN KOS PROGRAM JAMUAN MAKAN MALAM SEMPERA TAHUN BARU CINA 2025 ANJURAN PERSATUAN PENJAJA-PENJAJA KECIL LORONG KULIT PULAU PINANG (09.02.2025)
105	PEMBANGUNAN MASYARAKAT NEGERI PULAU PINANG	BIAYAI PROGRAM PENYEDIAN KEK ANJURAN PERSATUAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT NEGERI PULAU PINANG (23.02.2025)
106	KELAB PERMOTORAN SATU HATI	BIAYAI SEBAHAGIAN KOS PROGRAM KEJOHANAN BOWLING TERBUKA TAHUN 2025 ANJURAN KELAB PERMOTORAN SATU HATI (15.02.2025)
107	PIBG KOLEJ TINGKATAN ENAM HAJI ZAINUL ABIDIN	BIAYAI SEBAHAGIAN KOS PROGRAM SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2025 ANJURAN PIBG KOLEJ TINGKATAN ENAM HAJI ZAINUL ABIDIN (17.02.2025)
108	PERSATUAN PENGANUT DEWA HOCK TEIK PASAR BATU LANCHANG	BIAYAI SEBAHAGIAN KOS PROGRAM MAKAN MALAM TAHUN 2025 ANJURAN PERSATUAN PENGANUT DEWA HOCK TEIK PASAR BATU LANCHANG (15.02.2025)
109	PERSATUAN KEBAJIKAN MAKKAL PULAU PINANG	BIAYAI SEBAHAGIAN KOS PERAYAAN PONGGAL TAHUN 2025 ANJURAN PERSATUAN KEBAJIKAN MAKKAL PULAU PINANG
110	PERSATUAN PEMANDU-PEMANDU TEKSI DAN KERETA SEWA CINA NEGERI PULAU PINANG	BIAYAI SEBAHAGIAN KOS MAJLIS MAKAN MALAM PERSATUAN TAHUN 2025 ANJURAN PERSATUAN PEMANDU-PEMANDU TEKSI DAN KERETA SEWA CINA NEGERI PULAU PINANG
111	PERSATUAN PENGANUT-PENGANUT CHENG LENG TUAH, PULAU PINANG	BIAYAI SEBAHAGIAN KOS CERAMAH FENG SUI TAHUN 2025 ANJURAN PERSATUAN PENGANUT-PENGANUT CHENG LENG TUAH, PULAU PINANG

BIL	KEPADA	TUJUAN
112	PERTUBUHAN WING ONN SHA PULAU PINANG	BIAYAI SEBAHAGIAN KOS PERAYAAN HARI LAHIR DEWA TAHUN 2025 ANJURAN PERTUBUHAN WING ONN SHA PULAU PINANG
113	LEONG SEE KAH MIEW	BIAYAI SEBAHAGIAN KOS MAJLIS SAMBUTAN TAHUN BARU TAHUN 2025 ANJURAN LEONG SEE KAH MIEW
114	HOOI LAM LIAN HEONG HOAY PULAU PINANG	BIAYAI SEBAHAGIAN KOS PROGRAM RUMAH TERBUKA TAHUN BARU CINA TAHUN 2025 ANJURAN PERSATUAN HOOI LAM LIAN HEONG HOAY PULAU PINANG
115	PERSATUAN PENGANUT DEWA TAI SENG YAH PULAU PINANG	BIAYAI SEBAHAGIAN KOS PERAYAAN HARI JADI DEWA TAHUN 2025 ANJURAN PERSATUAN PENGANUT DEWA TAI SENG YAH PULAU PINANG
116	PERSATUAN ORANG PEKAK PULAU PINANG	BIAYAI SEBAHAGIAN KOS SAMBUTAN TAHUN BARU CINA TAHUN 2025 ANJURAN PERSATUAN ORANG PEKAK PULAU PINANG
117	PERTUBUHAN PENGANUT DEWA DATUK KONG (HAI LU QI XIONG DI DA HONG PAO) DAN PERAYAAN PHOR THOR GEORGETOWN PULAU PINANG	BIAYAI SEBAHAGIAN KOS UPACARA PERAYAAN DEWA TAHUN 2025 ANJURAN PERTUBUHAN PENGANUT DEWA DATUK KONG (HAI LU QI XIONG DI DA HONG PAO) DAN PERAYAAN PHOR THOR GEORGETOWN PULAU PINANG
118	STATE CHINESE (PENANG) ASSOCIATION	BIAYAI SEBAHAGIAN KOS PERAYAAN CHAP GOH MEH TAHUN 2025 ANJURAN PERSATUAN PERANAKAN CINA PULAU PINANG
119	LOO PUN HONG	BIAYAI SEBAHAGIAN KOS UPACARA SEMBAHYANG RU BAN SHI MU BAO DAN TAHUN 2025 LOO PUN HONG
120	THE CHEW JETTY KONGSI PENANG	BIAYAI SEBAHAGIAN KOS UPACARA SEMBAHYANG PAI THEE KONG TAHUN 2025 ANJURAN KONGSI PENGKALAN CHEW PULAU PINANG
121	PERSATUAN MENYAMBUT PERAYAAN PHOR THOR PASAR LEBUH CAMBELL,	BIAYAI SEBAHAGIAN KOS PERAYAAN RUMAH TERBUKA TAHUN BARU CINA TAHUN 2025 ANJURAN PERSATUAN MENYAMBUT PERAYAAN PHOR THOR PASAR LEBUH CAMBELL, PULAU PINANG

BIL	KEPADA	TUJUAN
122	PERTUBUHAN PENGANUT DEWA PEK KONG (HOCK TEIK KEONG) LEBUH MACALLUM PULAU PINANG	BIAYAI SEBAHAGIAN KOS PROGRAM RUMAH TERBUKA TAHUN BARU CINA TAHUN 2025 ANJURAN PERTUBUHAN PENGANUT DEWA PEK KONG (HOCK TEIK KEONG) LEBUH MACALLUM PULAU PINANG
123	PERSATUAN NILLAIKALAKKI SILAMBAM PULAU PINANG	BIAYAI UPACARA SEMBAHYANG PERSATUAN KE 50 TAHUN 2025 ANJURAN PERSATUAN NILLAIKALAKKI SILAMBAM PULAU PINANG
124	THE CHEW JETTY KONGSI PENANG	BIAYAI SEBAHAGIAN KOS PERAYAAN PAI THEE KONG TAHUN 2025 ANJURAN KONGSI PENGKALAN CHEW PULAU PINANG
125	TAY KOON OH KONGSI	BIAYAI SEBAHAGIAN KOS SAMBUTAN TAHUN BARU CINA TAHUN 2025 ANJURAN TAY KOON OH KONGSI
126	PERSATUAN HOOI LAM LIAN HEONG HOAY PULAU PINANG	BIAYAI SEBAHAGIAN KOS MAJLIS RUMAH TERBUKA TAHUN BARU CINA TAHUN 2025 ANJURAN PERSATUAN HOOI LAM LIAN HEONG HOAY PULAU PINANG
127	LEONG SEEH MOEW	BIAYAI SEBAHAGIAN KOS SAMBUTAN TAHUN BARU CINA TAHUN 2025 ANJURAN PENANG LEONG SEEH MOEW
128	PERSATUAN PENGURUSAN TOKONG TONGTZE THAM KUAN TEE SENG KHUN GAT LEBUH MACALLUM GEORGETOWN PULAU PINANG	BIAYAI SEBAHAGIAN KOS PROGRAM NYALAKAN TANGLUNG TAHUN 2025 ANJURAN PERSATUAN PENGURUSAN TOKONG TONGTZE THAM KUAN TEE SENG KHUN GAT LEBUH MACALLUM GEORGETOWN PULAU PINANG
129	PERTUBUHAN PERAYAAN TEONG GUAN GREENLANE HEIGHTS, PULAU PINANG	BIAYAI SEBAHAGIAN KOS PERAYAAN TUA PEK KONG TAHUN 2025 ANJURAN PERTUBUHAN PERAYAAN TEONG GUAN GREENLANE HEIGHTS, PULAU PINANG
130	KELAB KEBAJIKAN, KESEDARAN DAN BIMBINGAN KOMPUTER PENGKALAN WELD, PULAU PINANG	BIAYAI SEBAHAGIAN KOS PERAYAAN THAIPUSAM TAHUN 2025 ANJURAN KELAB KEBAJIKAN, KESEDARAN DAN BIMBINGAN KOMPUTER PENGKALAN WELD, PULAU PINANG
131	PERSATUAN BOLASEPAK PULAU PINANG	BIAYAI SEBAHAGIAN KOS KARNIVAL LIGA REMAJA BAWAH 19 TAHUN, TAHUN 2025 ANJURAN PERSATUAN BOLASEPAK PULAU PINANG
132	PERSATUAN PENGANUT DEWA ARULMIGU SRI MAHA MOTTAI GOBURAM MUNISWARAR NOORDIN	BIAYAI SEBAHAGIAN KOS PERAYAAN THAIPUSAM TAHUN 2025 ANJURAN PERSATUAN PENGANUT DEWA ARULMIGU SRI MAHA MOTTAI GOBURAM MUNISWARAR NOORDIN STREET GEORGETOWN PULAU PINANG

BIL	KEPADA	TUJUAN
133	PERSATUAN KEMAJUAN WANITA PULAU PINANG (PERJUANITA)	BIAYAI SEBAHAGIAN KOS MAJLIS BERBUKA PUASA TAHUN 2025 ANJURAN PERSATUAN KEMAJUAN WANITA PULAU PINANG (PERJUANITA)
134	PERSATUAN HIDAYATUL ISLAM, PULAU PINANG	BIAYAI SEBAHAGIAN KOS MAJLIS BERBUKA PUASA TAHUN 2025 ANJURAN PERSATUAN HIDAYATUL ISLAM, PULAU PINANG
135	PERSATUAN MUSLIM KADAYANALLUR	BIAYAI SEBAHAGIAN KOS BERBUKA PUASA TAHUN 2025 ANJURAN KADAYANALLUR MUSLIM ASSOCIATION
136	MEMBEKAL SIARSUARA KEPADA PERSATUAN KEBAJIKAN CHEMPA PULAU PINANG	PERSATUAN KEBAJIKAN CHEMPA PULAU PINANG
137	MEMBEKALKAN FAN EVAPORATE AIR COOLER KEPADA PERTUBUHAN PENGANUT DEWA JI GONG THAN BARU	PERTUBUHAN PENGANUT DEWA JI GONG THAN BARU
138	MEMBEKALKAN KERUSI PLASTIK DAN ALMARI BESI KEPADA PERSATUAN HAINAN BUTTERWORTH	PERSATUAN HAINAN BUTTERWORTH
139	MEMBEKAL 20 UNIT MEJA BANQUET UNTUK KEGUNAAN PERSATUAN KEBAJIKAN BUTTERWORTH KADUN BAGAN DALAM	PERSATUAN KEBAJIKAN BUTTERWORTH
140	MEMBEKAL 1 UNIT PAPAN PUTIH DAN 15 UNIT MEJA PLASTIK UNTUK KEGUNAAN PERSATUAN PENDIDIKAN AKHLAK JI CI SHAN SHE BUTTERWORTH KADUN BAGAN DALAM	PERSATUAN PENDIDIKAN AKHLAK JI CI SHAN SHE
141	MEMBEKAL KELENGKAPAN SISTEM PEMBESAR SUARA UNTUK KEGUNAAN PENGANUT BAGI PERTUBUHAN PENGANUT TIAN GONG TAN BUTTERWORTH SEBERANG PERAI KADUN BAGAN DALAM	PERTUBUHAN PENGANUT TIAN GONG TAN BUTTERWORTH SEBERANG PERAI
142	MEMBEKAL PAPAN TANDA BARU UNTUK PERSATUAN PENGANUT SHIRDI SAI BABA BUTTERWORTH KADUN BAGAN DALAM	PERSATUAN PENGANUT SHIRDI SAI BABA BUTTERWORTH
143	MEMBEKAL TANGLUNG KEPADA THEAN HOCK KEONG SEMPERA TAHUN BARU CINA 2025	THEAN HOCK KEONG

BIL	KEPADA	TUJUAN
144	MEMBEKAL BAJU PROGRAM DAN MEDAL SEMPENA <i>4TH SHINE RUN & CHARITY FOOD FAIR</i> KEPADA RUMAH BERHALA TOW BOO KONG BUTTERWORTH	RUMAH BERHALA TOW BOO KONG BUTTERWORTH
145	MEMBEKAL <i>WOVEN BAG</i> KEPADA MPKK TAMAN LUCKY DAN PERSATUAN KEBAJIKAN BERSIKAP MURAH HATI	PERSATUAN KEBAJIKAN BERSIKAP MURAH HATI
146	MEMBEKAL KERUSI DAN KIPAS KEPADA PERTUBUHAN PENGANUT DEWA SHER THEAN TUAH BUTTERWORTH	PERTUBUHAN PENGANUT DEWA SHER THEAN TUAH BUTTERWORTH
147	MEMBEKAL KIPAS SILING INDUSTRI (<i>HEAVYDUTY</i>) KEPADA PERTUBUHAN DEWA SAY THEAN SAM THYE CHOO	PERTUBUHAN DEWA SAY THEAN SAM THYE CHOO
148	MEMBIAYAI PERKHIDMATAN RAKAMAN VIDEO BAGI UPACARA KEAGAMAAN PERTUBUHAN PENGANUT DEWA XI TIAN GONG	PERTUBUHAN PENGANUT DEWA XI TIAN GONG

MMK KEBAJIKAN TAHUN 2024		
BIL	NAMA PROGRAM	NAMA NGO/NGI
1	Sumbangan penganjuran makan malam untuk sambutan Tahun Baru Cina 2024	Persatuan Rose Pulau Pinang
2	Sumbangan penganjuran makan malam untuk sambutan Tahun Baru Cina 2024	Persatuan Orang Cacat Pulau Pinang
3	Sumbangan majlis iftar bersama kanak-kanak kanser	Pertubuhan Kebajikan Ihsan Muda Pulau Pinang
4	Sumbangan penganjuran makan malam untuk sambutan Tahun Baru Cina 2024 yang diadakan di Goh Kongsi (Ean Leng Tong) Pulau Pinang	Persatuan Bintang-Bintang Bersinar Pulau Pinang
5	Sumbangan penganjuran acara kayuhan amal St. Nicholas' Home Ride for Sight 2024 di Queensbay Mall, Pulau Pinang	St Nicholas Home Peneng
6	Sumbangan penganjuran acara Word MS Day 2024 pada 1 Jun 2024 (Sabtu) di Auditorium F, Komtar, Pulau Pinang	Persatuan Multiple Sclerosis Pulau Pinang
7	Sumbangan derma bagi melaksanakan aktiviti untuk golongan kurang upaya	Persatuan Kanak-Kanak Spastik
8	Membiayai sebahagian kos Fun Run 2024 peringkat kebangsaan anjuran penganjuran Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM) pada 24 Ogos 2024	Sima Handicapped Centre
9	membiayai sebahagian kos Fun Run 2024 peringkat kebangsaan anjuran Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM) pada 24 Ogos 2024	Koperasi Sekolah Menengah Air Hitam Berhad
10	Membiayai sebahagian kos program pengumpulan dana amal 'A Golden Journey Through The World Of Dance' pada 24 Ogos 2024 di Dewan Sri Pinang	Persatuan Gaogaozaishan Bukit Mertajam
11	Membiayai sebahagian kos program "The Colourful Run 7.0" pada 6 Oktober 2024 di Lebuhraya Pantai, Pulau Pinang	Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang
12	Sumbangan derma bagi melaksanakan aktiviti untuk golongan kurang upaya	Persatuan Permulihan Orang-Orang Cacat Negeri Pulau Pinang
13	Sumbangan membiayai sebahagian kos program memberi bantuan barangan masakan kepada keluarga golongan B40 sempena perayaan Hari Deepavali	Kelab Bell Tamil Pulau Pinang
14	Sumbangan derma bakul makanan bagi sempena Perayaan Deepavali	Pertubuhan Anak Muda Pulau Pinang
15	Sumbangan membiayai sebahagian kos pembelian 'AED, Oxygen, Vital Sign Monitor dan Resuscitation and Trauma Kit' (RRM)	Persatuan Ambulans Komuniti Sungai Ara
16	Sumbangan program kebajikan sempena Perayaan Deepavali (bakul makanan)	Persatuan Kebajikan Perkasa Pulau Pinang
17	Penganjuran Majlis Makan Malam Amal untuk mengumpul dana perbelanjaan bulanan persatuan	Persatuan Kebajikan Komuniti Tanjong Pulau Pinang
18	Sumbangan derma untuk membeli peralatan bomba	Persatuan Bomba Dan Penyelamat Sukarela Bukit Bendera, Air Hitam
19	Program Karnival Rakyat sempena ulang tahun ke-15	Perbadanan Pengurusan Taman Mutiara Vista

BIL	NAMA PROGRAM	NAMA NGO/NGI
20	Sumbangan untuk pemasangan CCTV di pusat perlindungan haiwan	Persatuan Menolong Haiwan-Haiwan Seberang Perai, Pulau Pinang
21	Sumbangan derma untuk membeli motor medik	Persatuan Komuniti Pasukan Tindakan Cemas Georgetown
22	Sumbangan derma untuk membiayai aktiviti khidmat masyarakat	Persatuan Bomba Sukarela Paya Terubong
23	Sumbangan program kebajikan sempena Perayaan Deepavali (bakul makanan)	Perbadanan Kesenian Malaysia
24	Sumbangan derma untuk membiayai aktiviti khidmat masyarakat	Home Dynamics Berhad
25	Sumbangan derma untuk membiayai aktiviti khidmat masyarakat (pengangkutan ke hospital dan pusat dialisis)	Eden Handicap Service Centre Berhad
26	Penganjuran Majlis Makan Malam Amal untuk mengumpul dana perbelanjaan bulanan persatuan	St. John Ambulans Malaysia Negeri Pulau Pinang
27	Sumbangan program kebajikan, kesedaran keselamatan kebakaran, CPR dan penggunaan AED	Persatuan Kebajikan Sahabat Bahagia Pulau Pinang
28	Penganjuran Majlis Makan Malam Amal untuk mengumpul dana perbelanjaan bulanan persatuan	Persatuan Hospis Pulau Pinang
29	Sumbangan derma untuk membiayai aktiviti khidmat masyarakat	Pasukan Bomba Sukarela Lebuah Bakau Pulau Pinang
30	Sumbangan derma untuk membiayai aktiviti khidmat masyarakat	Penang Cheshire Home
31	Sumbangan derma untuk membiayai aktiviti khidmat masyarakat	Asia Community Service Bhd
32	Sumbangan derma untuk membiayai aktiviti khidmat masyarakat	Persatuan Kebajikan Warga Emas Harmoni Pulau Pinang
33	Sumbangan derma untuk membiayai aktiviti khidmat masyarakat	Pertubuhan Kebajikan Ihsan Penyayang Pulau Pinang

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVIII)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

17. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menambah cuti sehari lagi untuk Hari Raya Haji? Ini bagi memudahkan urusan ibadah korban masyarakat Muslim di Pulau Pinang berbanding satu hari masa yang agak terhad.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Sehingga kini, Kerajaan Negeri mengekalkan cuti Hari Raya Aidiladha iaitu hanya satu hari selari dengan Kerajaan Persekutuan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVIII)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

18. Nyatakan jumlah kutipan sewaan bazar Ramadan di dalam Parlimen Permatang Pauh mengikut MPKK.

(a) Ke manakah hasil kutipan itu digunakan?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Lesen perniagaan dan jualan Bazar Ramadan adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Jumlah kutipan sewaan bazar Ramadan di dalam Parlimen Permatang Pauh mengikut MPKK adalah seperti berikut:

Bil.	Lokasi Bazar	Jumlah kutipan
1	Bazar Ramadan Jalan Tenggiri	RM900.00
2	Bazar Ramadan Lengkok Tenggiri	RM550.00
3	Bazar Ramadan Lembah Makanan, Perda	RM700.00
4	Bazar Ramadan Taman Pauh Indah	RM400.00
5	Bazar Ramadan Perkarangan Masjid Perda	RM800.00
6	Bazar Ramadan Taman Semilang	RM500.00
7	Bazar Ramadan Taman Ciku	RM350.00
8	Bazar Ramadan Kubang Semang	RM400.00
9	Bazar Ramadan Taman Guar Perahu	RM350.00
10	Bazar Ramadan Berapit	RM250.00
11	Bazar Ramadan Taman Sutera	RM400.00
Jumlah Keseluruhan		RM5,600.00

- (a) Hasil kutipan sewaan bazar Ramadan oleh pihak MBSP digunapakai bagi tujuan kos penyelenggaraan dan pembersihan kawasan yang terlibat.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVIII)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

19. Sebanyak 62 kes melibatkan remaja Melayu berbanding enam kes Cina dan 14 kes India dalam pelbagai kes jenayah. Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menurunkan jenayah yang melibatkan remaja dan pelajar sekolah?
- (a) Apakah usaha MAINPP ke arah pembentukan belia Islam di Pulau Pinang?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Antara usaha Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) dalam menurunkan jenayah yang melibatkan remaja dan pelajar sekolah di Pulau Pinang adalah seperti melaksanakan pelbagai program pembangunan belia yang bersifat holistik dalam membendung masalah jenayah di kalangan remaja dan pelajar sekolah. Antara program utama yang dilaksanakan adalah seperti berikut: -
- (a) Program Sukarelawan Belia Pulau Pinang sebagai satu platform untuk mempergiatkan program kesukarelawanan dan menekankan penyertaan sosial golongan belia di Pulau Pinang;
- (b) Pertandingan Keusahawanan Belia (Youth Entrepreneurship Challenge - YEC) sebagai platform untuk memberi peluang keusahawanan kepada golongan belia khususnya di Pulau Pinang;

- (c) Program Kesedaran Sivik yang merangkumi siri program, bengkel dan latihan kesedaran sivik serta Sidang Muda yang merupakan satu siri latihan dan bengkel latihan pendemokrasian yang bertujuan untuk menekankan nilai kesedaran sivik, demokrasi dan kewarganegaraan dalam kalangan belia;
- (d) Siri Jelajah Belia turut diperkenalkan bagi mendekati golongan belia di kawasan luar bandar dan memfokuskan penglibatan mereka di dalam program komuniti setempat melalui elemen libat urus mikro, aktiviti interaksi dan pendedahan minat;
- (e) Belia Berirama atau "*Youth with Rhythm*" sebagai satu platform untuk mewujudkan satu komuniti belia yang berbakat dan memberi peluang kepada bakat belia dalam seni persembahan untuk mempamerkan bakat serta meningkatkan publisiti dan pendedahan mereka dalam bidang tersebut;
- (f) E-Sukan sebagai sebuah inisiatif yang memberi peluang penganjuran program e-sukan kepada golongan belia di Pulau Pinang dengan kerjasama jabatan kerajaan, agensi, persatuan, institusi dan mana-mana entiti perniagaan (game-based business) yang bertujuan untuk membina komuniti e-sukan yang kukuh dan mencungkil kemahiran dan profesionalisme dalam bidang e-sukan untuk golongan belia;
- (g) Penubuhan Jawatankuasa Belia Pulau Pinang (JBPP) sebagai mekanisme formal yang menjadi pemangkin untuk menggerakkan usaha dan program pembangunan belia di KADUN dan bertujuan untuk melatih lebih ramai lagi pemimpin muda; dan
- (h) Program Belia Aspirasi bertujuan untuk membantu belia-belie yang menghadapi cabaran dan kesukaran dalam kehidupan akan tetapi mempunyai keinginan yang kuat untuk mengubah nasib diri, keluarga dan masyarakat serta mengejar cita-cita mereka. Belia Aspirasi Siri 1: "Usahawan Muda Peneraju Masa Hadapan Negara" telah dianjurkan pada 18 Februari 2025 di Sekolah Tunas Bakti, Telok Ayer Tawar untuk memberi inspirasi keusahawanan dan bidang-bidang yang boleh diceburi kelak.

Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang juga telah melaksanakan pelbagai usaha dalam mengurangkan kadar jenayah dalam kalangan pelajar antaranya seperti:

- (i) Mengadakan sesi libat urus pelajar sekolah bersama pihak berkuasa terutama PDRM bertujuan memberi pendedahan mengenai kesan perlakuan jenayah;
 - (ii) Bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk mendapatkan khidmat nasihat secara berkala terhadap individu dan berkelompok, program pemantapan sahsiah, pencerahan berkaitan bahayanya rokok/dadah dan sebagainya;
 - (iii) Jemaah pengurusan sekolah dan pentadbir menyediakan perancangan terhadap aktiviti kokurikulum yang membina syakhsiyah diri dan pembentukan sikap kepada para pelajar; dan
 - (iv) Jemaah pengurusan sekolah dan pentadbir menekankan penyeliaan dan pemantaun pelajar di asrama dengan peraturan-peraturan yang mampu mencegah kes-kes jenayah remaja.
- (a) Dalam usaha ke arah pembentukan belia Islam di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah melaksanakan program-program ceramah, motivasi dan bimbingan selaras dengan perkara 5 Agenda Pembangunan Agama Islam (APAI) teras anak muda iaitu melaksanakan usaha menambahbaik penghayatan agama dan nilai-nilai positif dalam kehidupan yang selari dengan fitrah dan syariat Islam. Antara program yang telah dan akan dilaksanakan adalah seperti berikut:
- (i) Program Pembangunan Sahsiah Belia Madani sebanyak 40 siri bermula November 2024 sehingga 2026 melibatkan 4,000 orang pelajar Tingkatan 4 dan 5 (dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM));

- (ii) Program Sukarelawan Rakan Masjid Hospital (RAMAH) / Hospital Mesra Ibadah (HMI) bermula Mei 2025 melibatkan 90 orang sukarelawan;
- (iii) Program Motivasi Remaja dan Belia di bawah Jawatankuasa Pembangunan Insan dan Dakwah MAINPP sebanyak 8 siri dengan penyertaan keseluruhan 500 orang peserta dalam kalangan anak muda. Antaranya, Program “Nextgen Mukmin” dengan Tema: Generasi Baru, Jiwa Bertaqwa Peringkat Daerah Timur Laut Tahun 2025, Kem Motivasi Belia Next Gen Muslim, Mantop Daerah Seberang Perai Utara Tahun 2025, Kem Remaja Jiwa Sakinah “Menjana Jiwa Tenang, Membina Remaja Rabbani” Peringkat Daerah Seberang Perai Tengah Dan Seberang Perai Selatan Tahun 2025, dan Program Dakwah: Belia Madani Daerah Barat Daya Tahun 2025M/1446H;
- (iv) Program dakwah dengan kerjasama NGO/ IPTA/ IPTS dan agensi-agensi berkaitan sebanyak 4 siri melibatkan 500 orang peserta;
- (v) Kem Eksplorasi Remaja Anak-anak Saudara Kita Tahun 2024 dan Tahun 2025;
- (vi) Kem Mastery Cilik Anak-anak Saudara Kita Bersama Pertubuhan al-Bayyan Tahun 2025;
- (vii) Slot “Ibu, Ayah, Anak dan Gajet: Siapa Sebenarnya Terkesan” dalam program Webinar Kekeluargaan pada 16 Mei 2025;
- (viii) Slot “Tangan yang Menghayun Buaian” dalam Wacana Kekeluargaan pada 26-27 November 2025 melibatkan masyarakat awam termasuk pelajar IPTA/ IPTS;
- (ix) Kursus Pra Perkahwinan (Khas Universiti Sains Malaysia) Tahun 2024 dan Kursus Pra Perkahwinan (Khas Institut Perguruan Tuanku Bainun) Tahun 2025;

- (x) Program/ Aktiviti melibatkan remaja dan belia peringkat daerah melalui masjid-masjid pada tahun 2024 dan berterusan bagi tahun 2025, antaranya seperti pengajian al-Quran Remaja di semua daerah, tuisyen Percuma SPM pelajar-pelajar Sekolah Menengah di semua daerah, Geng Junior Cinta Masjid (SPT), Mentor-Mentee "Usrah Generasi Rabbani" (SPT), *Tiktok* Dakwah Youth Challenge (SPT), Open Mosque Masjid Negeri Pulau Pinang (MNPP) & Karnival/ Pameran/ Pertandingan di masjid-masjid utama Pulau Pinang, Kem Smart Aulad dan Kem Remaja Madani MNPP, Bengkel/ Kelas Kemahiran Remaja dan Belia di semua daerah, Kem Silat Remaja Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Program Iqra' Remaja Daerah SPS, Pertandingan Bola Speak Piala TKM 1 di bawah Sukan kariah Masjid Abdullah Fahim (SUKMAF); dan
- (xi) Teks Khutbah Jumaat (Belia dan Remaja) dengan tajuk seperti Rempit: Barah Sosial Yang Kian Parah (PDRM), Lebih Baik Cegah : Tanggungjawab Bersama (AADK), "Belia Malaysia Yakin Boleh" (Kementerian Belia dan Sukan).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVIII)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

20. Berapakah jumlah kadar kemalangan dan kemalangan maut yang melibatkan kenderaan berat di Jalan Permatang Pauh ke Kubang Semang pada tahun 2020 hingga 2024?
- (a) Apakah usaha atau langkah-langkah keselamatan yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengawal pertambahan kenderaan berat yang semakin banyak melalui kawasan tersebut?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

20. Statistik kemalangan dan kemalangan maut kenderaan berat di Jalan Permatang Pauh ke Kubang Semang dari tarikh 01 Januari 2020 hingga 31 Disember 2024 adalah seperti jadual berikut:

Jenis Kenderaan	Kemalangan	Maut	Jumlah Keseluruhan
Lori Kecil	36	6	42
Lori Kontena	31	5	36
Lori Trailer	8	4	12
Lori Tanker	1	0	1
Lori Low Loader	2	0	2
Lori Bt/ Pasir/ Sampah	4	1	5
Jumlah	82	16	98

- (a) Antara usaha atau langkah-langkah keselamatan yang diambil adalah seperti berikut:
- (i) Menjalankan Operasi Perdagangan secara berkala di lokasi yang telah dikenalpasti menjadi laluan kenderaan berat yang sering berlaku kemalangan jalan raya.
 - (ii) Menjalankan Operasi Secara Bersepadu dengan agensi lain seperti JPJ dan JAS.
 - (iii) Membuat saringan air kencing ke atas pemandu kenderaan berat semasa Op Bersepadu bersama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).
 - (iv) Mengarahkan kenderaan berat yang membawa muatan berlebihan untuk timbang berat di stesen timbang JPJ di Penaga, SPU dan di Valdor, SPS untuk tindakan selanjutnya oleh JPJ di bawah Seksyen 57(3) APAD 2010.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVIII)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

21. Apakah punca utama isu kehilangan tanah milik orang Melayu di Pulau Pinang?
- (a) Apakah usaha-usaha yang telah dibuat oleh MAINPP untuk memberi kesedaran kepada orang-orang Melayu terhadap isu ini?
 - (b) Adakah terdapat fatwa MAINPP melibatkan penjualan tanah milik orang Islam ke pihak yang lain?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Punca utama kehilangan tanah milik orang Melayu di Pulau Pinang ialah penjualan tanah atas sebab berikut:
- (i) Faktor kewangan
 - (ii) Tanah diwarisi oleh ramai pewaris dan sukar diurus
 - (iii) Pembangunan di kawasan sekeliling
- (a) Usaha-usaha yang dibuat oleh MAINPP untuk memberi kesedaran kepada masyarakat Melayu adalah seperti berikut:
- (i) Mewujudkan Tabung Wakaf Sumbangan Masjid sejak tahun 2019 di semua masjid setiap kali Solat Jumaat. Sumbangan ini dikumpulkan oleh MAINPP dan

digunakan untuk pembelian hartanah khususnya tanah yang berhampiran dengan masjid;

- (ii) Melalui siri program Jelajah Agenda Pembangunan Islam Negeri Pulau Pinang Sempena Karnival Islami Masyarakat MADANI Negeri Pulau Pinang yang diadakan di tujuh lokasi masjid seluruh Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2024, kempen untuk kutipan dana di masjid-masjid digerakkan bagi membeli hartanah.
- (iii) MAINPP juga telah berusaha menambah pemilikan tanah sejak tahun 2024. Bagi tahun 2025, lot-lot tanah yang sesuai untuk dibeli menggunakan dana istibdal terkumpul, dana baitulmal dan ekuiti syarikat As-Sahabah Urus Zakat telah dikenalpasti. Penggunaan dana istibdal adalah untuk pembelian lot-lot tanah di Daerah Barat Daya melalui penelitian oleh Jawatankuasa Aset Istibdal. Manakala dana ekuiti syarikat As-Sahabah Urus Zakat digunakan untuk pembelian lot-lot tanah sawah padi yang dikenalpasti di Daerah SPU, SPS dan SPT dengan peruntukan sebanyak RM5 juta di setiap daerah.

Selain dari usaha di atas, peranan Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang juga sering mengadakan program-program kepada jawatankuasa kariah masjid dan kesempatan ini boleh di ambil untuk menerangkan isu-isu berkaitan kehilangan tanah milik orang Melayu di Pulau Pinang.

Pada masa yang sama jawatankuasa kariah atau mana-mana NGO Islam perlu memainkan peranan dalam memberi kesedaran kepada anak kariah supaya tidak menjual tanah milik mereka selain daripada mengenal pasti tanah-tanah yang boleh dibeli melalui kutipan dana di setiap masjid-masjid di Negeri Pulau Pinang.

- (b) Terdapat satu fatwa yang dikeluarkan Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang yang telah bersidang pada 29 & 30 November 2023 mengenai hukum yang melibatkan penjualan tanah milik orang Islam kepada pihak yang lain berdasarkan pembentangan bertajuk Kajian Hukum Penjualan Tanah Milik Orang Islam Kepada Pemilik Bukan Islam Di Pulau Pinang

Serta Kesannya Terhadap Kelangsungan Hidup Ummah Pada Masa Hadapan dan memutuskan seperti berikut:

- (i) Hukum menjual hartanah dalam Negeri Pulau Pinang sama ada kepada orang Islam atau orang bukan Islam bagi tujuan yang tidak diharuskan Syarak adalah diharamkan, seperti untuk dijadikan rumah ibadat agama lain, kilang pembuatan dan kedai penjualan makanan yang diharamkan, ladang penternakan khinzir, pusat hiburan, pusat judi dan seumpamanya.
- (ii) Hukum menjual hartanah milik orang Islam di Pulau Pinang kepada individu atau syarikat bukan Islam sama ada secara langsung atau proksi adalah tidak harus kecuali bagi memenuhi keperluan mendesak untuk menjaga lima Maqasid Syariah serta telah memenuhi syarat-syarat berikut:
 - 1) Hartanah tidak berada dalam kawasan populasi Islam. Hartanah yang berada dalam kawasan populasi orang Islam tidak boleh dijual kepada orang bukan Islam bagi menjaga maqasid agama.
 - 2) Hartanah tidak dikhususkan kepada pemilikan Bumiputera Islam seperti Tanah Rezab Melayu, tanah adat, lot bumiputra dan seumpamanya. Hartanah yang dikhususkan kepada bumiputera Islam tidak boleh dijual sama ada secara langsung atau secara proksi kepada orang bukan Islam bagi menjaga maqasid harta.
 - 3) Hartanah tidak berpotensi dimanfaatkan bagi kegunaan agama. Hartanah yang berpotensi dimanfaatkan dalam urusan agama Islam atau untuk meninggikan syiar Islam tidak boleh dijual kepada orang bukan Islam bagi menjaga maqasid agama dan akal, seperti perkuburan, pendidikan, masjid.
 - 4) Hartanah hendaklah ditawarkan terlebih dahulu kepada orang Islam untuk tempoh masa yang munasabah.

- 5) Keharusan ini terikat dengan kadar yang dapat memenuhi keperluan mendesak sahaja, tanpa berlebihan dan melampaui batas.
- (iii) Semua institusi berkaitan agama Islam di Pulau Pinang diwajibkan untuk memelihara serta meningkatkan pemilikan hartanah milik orang Islam di Pulau Pinang sehingga mencapai sekurang-kurangnya seimbang antara peratusan pemilikan dengan jumlah populasi Bumiputera Islam.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVIII)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

22. Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan penglibatan usahawan tempatan dalam ekosistem pelaburan yang dibawa masuk?
- (a) Adakah insentif khusus disediakan bagi PKS tempatan untuk menjadi vendor atau pembekal kepada syarikat pelabur?

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada strategi menarik pelaburan asing (FDI) dan pelaburan tempatan (DDI). Dengan membawa masuk pelaburan, lebih banyak projek baharu dapat diwujudkan, sekaligus meransang pertumbuhan ekonomi negeri serta meningkatkan penglibatan usahawan tempatan dalam sektor pembuatan yang berimpak tinggi.

Untuk mencapai objektif ini, Kerajaan Negeri melalui InvestPenang menganjurkan program seperti seminar dan forum pelaburan dan misi promosi perdagangan ke luar negara seperti Amerika Syarikat, Eropah, Jepun, China, Taiwan, Singapura dan banyak lagi. Melalui *platform* ini, pelabur asing berpeluang memahami potensi pasaran tempatan dan kerjasama strategik dapat diwujudkan antara pelabur asing dan syarikat tempatan.

Pada masa sama, pelaburan baharu juga dapat digalakkan melalui insentif seperti pengecualian cukai dan geran sokongan yang ditawarkan oleh Kerajaan Persekutuan serta kemudahan infrastruktur yang lengkap seperti taman industri berteknologi tinggi yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Kemasukan pelaburan

baharu membawa kepada peningkatan peluang pekerjaan, pemindahan teknologi dan peningkatan permintaan terhadap bahan mentah, komponen dan perkhidmatan sokongan. Kesannya, ia membantu meningkatkan aktiviti ekonomi domestik, memperkukuh rantai bekalan tempatan dan secara tidak langsung meningkatkan daya permintaan terhadap produk dan perkhidmatan tempatan.

Kerajaan Negeri juga berusaha untuk menggalakkan penyumberan tempatan dalam rantai bekalan. Melalui inisiatif seperti penganjuran Hari Pembekal (*Supplier Day*), Hari Padanan Perniagaan (*Business Matching Day*) dan program pembangunan industri seperti seminar, pameran dan forum yang dilaksanakan, hubungan antara pelabur asing dan syarikat tempatan dapat diperkukuhkan. Pelabur asing juga digalakkan untuk membeli bahan mentah atau mendapatkan proses pembuatan dari pasaran tempatan untuk membantu mengembangkan ekosistem perniagaan tempatan khususnya di Pulau Pinang.

Fokus dan hala tuju penarikan pelaburan baharu ke dalam negeri ditumpukan kepada projek-projek strategik yang membawa nilai tambah (*value-add*) sama ada dalam perkembangan teknologi terkini, kemahiran tenaga kerja tempatan atau perkembangan ekosistem. Nilai tawaran (*value proposition*) industri Pulau Pinang cenderung terhadap projek-projek intensif ilmu (*knowledge intensive*), penyelidikan dan pembangunan (R&D), *Integrated Circuit (IC) design*, *Advanced Packaging*, *Artificial Intelligence (AI)* dan sebagainya. Sektor-sektor perindustrian dan pelaburan yang menjadi sasaran utama adalah seperti elektronik & elektrik, semikonduktor, jentera dan peralatan, teknologi perubatan dan lain-lain lagi. Fokus ini dapat memacu syarikat tempatan untuk terus terlibat dalam sektor teknologi pembuatan yang berimpak tinggi sekaligus merancakkan lagi ekonomi Negeri Pulau Pinang.

- a) Kerajaan Negeri mengambil maklum cadangan insentif khusus kepada PKS tempatan untuk menjadi vendor atau pembekal kepada syarikat pelabur. Cadangan ini akan diteliti dari segi pelaksanaan dengan penglibatan dan kerjasama dari agensi-agensi pembangunan usahawan yang lain di Pulau Pinang untuk meneroka potensi PKS tempatan dengan lebih berkesan.

Pada masa kini, pendekatan utama yang diberikan adalah melalui direktori pembekal atas talian di laman sesawang

InvestPenang. Perniagaan kecil yang berkeupayaan boleh memohon untuk menyenaraikan profil syarikat mereka dalam direktori atas talian ini di mana InvestPenang secara aktif menggalakkan pelabur dan pihak perolehan antarabangsa untuk melayari direktori ini semasa mereka mencari pembekal yang berkeupayaan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVIII)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

23. Berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan di bawah Skim Pinjaman Harapan setakat ini dan berapa ramaikah usahawan yang telah menerima manfaatnya mengikut DUN?
- (a) Apakah cabaran utama yang dihadapi pemohon untuk mendapatkan pinjaman ini, termasuk kadar kelulusan dan syarat yang dikenakan?

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Bermula dari tahun 2008 sehingga 30 April 2025, Skim Pinjaman Harapan (SPH) telah menyalurkan bantuan pinjaman kewangan berjumlah RM32.46 juta kepada 4,387 usahawan mikro di seluruh Negeri Pulau Pinang mengikut perincian daerah seperti berikut:

BIL	DAERAH	BILANGAN PEMINJAM	JUMLAH PINJAMAN (RM JUTA)
1	Barat Daya	1294	9.22
2	Timur Laut	849	6.93
3	Seberang Perai Utara	654	4.44
4	Seberang Perai Selatan	678	5.27
5	Seberang Perai Tengah	912	6.60
JUMLAH		4,387	32.46

Berkaitannya, sistem pengurusan mikro kredit yang baharu dengan penambahbaikan maklumat peminjam mengikut kawasan Dewan

Undangan Negeri (DUN) berbanding sistem sebelumnya yang hanya menyimpan data peminjam mengikut daerah hanya mula digunakan bermula April 2024. Sehubungan dengan itu, bermula April 2024 hingga April 2025, bilangan penerima pinjaman dalam kalangan usahawan IKS mengikut DUN adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- (a) Cabaran utama pemohon dalam mendapatkan pinjaman SPH adalah seperti berikut:
- (i) Kadar Kelulusan Dipengaruhi oleh Profil Perniagaan dan Kemampuan Bayar Balik
Walaupun kadar kutipan SPH dilaporkan tinggi, kelulusan pinjaman masih bergantung kepada penilaian keupayaan pemohon membayar balik pinjaman. Ini boleh mengehadkan peluang pemohon yang baru memulakan perniagaan atau yang beroperasi secara kecil-kecilan tanpa bukti pendapatan tetap;
 - (ii) Syarat Pendaftaran dengan SSM
Pemohon diwajibkan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Penjaja kecil yang tidak berdaftar mungkin menghadapi kesukaran untuk memenuhi syarat ini, yang boleh mengehadkan akses mereka kepada bantuan;
 - (iii) Keperluan Dokumentasi
Walaupun kadar kutipan pinjaman tinggi, pemohon mungkin perlu menyediakan dokumentasi yang lengkap dan memenuhi kriteria tertentu untuk kelulusan. Proses ini mungkin menjadi halangan bagi mereka yang kurang berpengetahuan atau tidak mempunyai akses kepada sumber-sumber yang diperlukan; dan
 - (iv) Rekod CTOS yang Kurang Baik
Sebilangan besar pemohon telah disenarai hitam dalam sistem CTOS akibat tunggakan bayaran pinjaman terdahulu atau komitmen kewangan yang tinggi, yang menjejaskan kelayakan mereka untuk mendapatkan pinjaman SPH.

LAMPIRAN A

BILANGAN PEMINJAM SKIM PINJAMAN HARAPAN (SPH) DARI TEMPOH APRIL 2024 SEHINGGA APRIL 2025 MENGIKUT DUN

BIL	DUN	BIL. PEMINJAM
1	Penaga	1
2	Bertam	7
3	Pinang Tunggal	3
4	Permatang Berangan	2
5	Sungai Dua	5
6	Telok Ayer Tawar	1
7	Sungai Puyu	1
8	Bagan Jermal	-
9	Bagan Dalam	-
10	Seberang Jaya	13
11	Permatang Pasir	5
12	Penanti	8
13	Berapit	3
14	Machang Bubuk	4
15	Padang Lalang	2
16	Perai	3
17	Bukit Tengah	3
18	Bukit Tambun	9
19	Jawi	14
20	Sungai Bakap	10
21	Sungai Acheh	6
22	Tanjong Bunga	3
23	Air Puteh	-
24	Kebun Bunga	1
25	Pulau Tikus	-
26	Padang Kota	2
27	Pengkalan Kota	2
28	Komtar	3
29	Datok Keramat	3
30	Sungai Pinang	10
31	Batu Lanchang	5
32	Seri Delima	2
33	Air Itam	3
34	Paya Terubong	4
35	Batu Uban	5
36	Pantai Jerejak	3
37	Batu Maung	9
38	Bayan Lepas	21
39	Pulau Betong	5
40	Telok Bahang	1
JUMLAH		182

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVIII)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

24. Berapakah jumlah kes HIV / AIDS yang dilaporkan di Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga kini dan berapa peratus daripadanya melibatkan hubungan homoseksual atau biseksual?
- (a) Apakah strategi pencegahan dan rawatan yang dilaksanakan untuk mengurangkan penularan HIV dalam kalangan komuniti berisiko tinggi?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Bagi tempoh 2020 hingga kini, sejumlah 1751 kes HIV dan 195 kes AIDS telah dilaporkan di Negeri Pulau Pinang. Daripada jumlah kes HIV tersebut, 43.9% dijangkiti melalui hubungan homoseksual manakala 9.8% lagi melalui hubungan biseksual.
- (a) Memandangkan majoriti kes HIV/AIDS melibatkan golongan muda, jangkitan melalui hubungan seksual serta kumpulan berisiko tinggi, justeru pihak Jabatan Kesihatan Negeri telah menjalankan pelbagai program yang menyasarkan kumpulan tersebut. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:
- (i) PROSTAR 2.0 (Program Sihat Tanpa AIDS Untuk Remaja)

Program ini telah diberi nafas baru dengan modul yang lebih segar dan menarik dan disasarkan kepada remaja berumur 13-18 tahun di sekolah menengah dan institusi pengajian. Program ini telah berjaya dilaksanakan di

sekolah-sekolah menengah dan institusi pengajian di Pulau Pinang dengan memberi pendedahan berkaitan HIV/AIDS serta penyakit kelamin, pengetahuan tentang pencegahan jangkitan serta pengukuhan jati diri golongan pelajar.

(ii) Projek *City Getting to Zero* HIV(CGTZ)

Projek ini melibatkan kolaborasi inter agensi dalam menangani isu HIV/AIDS dan telah dijalankan di daerah Seberang Perai Utara serta daerah Timur Laut. Salah satu jawatankuasa di dalam projek ini iaitu Jawatankuasa Kelestarian Remaja aktif menjalankan pelbagai program dan aktiviti kesedaran HIV/AIDS kepada golongan muda terutamanya para pelajar sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian.

(iii) Program saringan dan rawatan HIV

Semua Klinik Kesihatan Kerajaan menawarkan saringan HIV dan semua Klinik Kesihatan dengan Pakar Perubatan Keluarga turut menawarkan rawatan HIV. Rawatan HIV yang berkesan adalah salah satu bentuk pencegahan. Maklumat tentang ketersediaan perkhidmatan ini telah meningkatkan kedatangan klien untuk menjalani saringan, seterusnya pengesanan awal penyakit dan intervensi pencegahan.

(iv) Klinik STI *Client Friendly*

Perkhidmatan ini telah dijalankan di 13 Klinik Kesihatan di Pulau Pinang yang menyasarkan kumpulan berisiko tinggi dijangkiti HIV agar mendapatkan saringan awal, rawatan segera serta pencegahan jangkitan.

(v) Program Rawatan Profilaksis HIV (Pre Exposure Prophylaxis)

Program ini bertujuan memberikan rawatan profilaksis kepada golongan berisiko yang belum dijangkiti HIV dengan penekanan kepada perubahan tingkah laku, pencegahan jangkitan serta amalan gaya hidup sihat. Program ini telah dijalankan di Klinik Kesihatan

Butterworth dan Klinik Kesihatan Sungai Dua, Timur Laut.

Kesemua program ini serta program-program pencegahan dan kawalan HIV/AIDS yang lain bertujuan memberi pendedahan tentang penyakit HIV/AIDS dan penyakit kelamin yang lain, pencegahan jangkitan, pengesanan awal, kepentingan rawatan serta perubahan tingkah laku berisiko kepada gaya hidup yang lebih sihat.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVIII)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

25. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai dasar khusus untuk memperkukuh perdagangan tempatan selain bergantung kepada pelaburan asing?
- (a) Apakah sokongan yang diberikan kepada koperasi atau perniagaan kecil dalam memperluas pasaran produk mereka?

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Negeri Pulau Pinang berusaha untuk menggalakkan syarikat-syarikat tempatan yang berkemampuan, terutamanya syarikat-syarikat tersenarai awam (public listed company) untuk mengutamakan penyumberan mereka di kalangan syarikat-syarikat kecil tempatan. Ini dapat membantu syarikat-syarikat tempatan yang kecil dan sederhana untuk mendapatkan penempahan dan peluang perniagaan yang lebih banyak dan tidak bergantung kepada pelaburan asing semata-mata.

Antara contoh inisiatif kerajaan bagi aspek ini termasuk penubuhan *Penang Automation Cluster* (PAC) dimana syarikat-syarikat tempatan besar seperti Vitrox, Pentamaster dan Walta telah mengagihkan tempahan perniagaan mereka kepada 15 syarikat-syarikat tempatan kecil dan sederhana di dalam kluster tersebut. PAC juga memainkan peranan sebagai pembimbing dan penasihat kepada syarikat-syarikat tempatan dimana khidmat nasihat diberi dari segi pembangunan perniagaan, kemahiran teknikal, pengurusan dan sebagainya. Selain itu, PAC juga menawarkan perkongsian peralatan dan mesin bersama ahli-ahli dalam kluster terutamanya peralatan yang berharga tinggi dan tidak mampu dimiliki oleh syarikat-syarikat kecil.

Pelbagai sesi permadanan perniagaan dan hari pembekal juga dirancang dan diadakan dari semasa ke semasa supaya para peniaga

tempatan diberi peluang untuk menyertai proses penyumberan tempatan, sama ada dari syarikat-syarikat tempatan yang lebih besar, kementerian-kementerian ataupun projek-projek kerajaan. Antara contohnya termasuk hari pembekal yang dianjurkan oleh pihak InvestPenang pada tahun 2024 untuk Kementerian Kesihatan Malaysia (2 sesi), hospital-hospital swasta dan MRT Corp untuk projek LRT Laluan Mutiara. Peniaga-peniaga tempatan yang relevan telah dijemput untuk memperkenalkan keupayaan mereka kepada Kementerian, syarikat-syarikat GLC serta pembeli berpotensi dalam sesi-sesi tersebut.

- (a) Kerajaan Negeri melalui pihak InvestPenang memberi sokongan kepada koperasi atau perniagaan kecil untuk memperluaskan pasaran produk mereka melalui peningkatan kesedaran dan keterlihatan dikalangan pihak perolehan tempatan dan antarabangsa melalui dua pendekatan utama seperti berikut:

(i) Direktori Pembekal atas Talian melalui Laman Sesawang InvestPenang

Koperasi atau perniagaan kecil yang berkeupayaan boleh memohon untuk menyenaraikan profil syarikat mereka dalam direktori atas talian ini. InvestPenang secara aktif menggalakkan pelabur dan pihak perolehan antarabangsa untuk melayari direktori ini semasa mereka mencari pembekal yang berkeupayaan.

(ii) Penganjuran Hari Pembekal (Supplier Day) dan Program Industri seperti permadanan perniagaan, seminar, pameran, dan forum perniagaan

investPenang bekerjasama dengan syarikat-syarikat sauh (anchor company) untuk menganjurkan program yang membantu koperasi atau perniagaan kecil memperluas pasaran mereka, sama ada dengan mendapatkan pembeli baharu atau menembusi pasaran yang baharu. Melalui aktiviti-aktiviti ini, para peniaga tempatan berpeluang untuk memperkenalkan syarikat mereka dan menunjukkan keupayaan mereka kepada pembeli berpotensi dan memperluaskan pasaran mereka.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVIII)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

26. Senaraikan jumlah kemalangan dan kemalangan maut di kedua-dua jambatan Pulau Pinang pada tahun 2023 dan 2024.
- (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri mengurangkan kes kemalangan dan kemalangan maut di kedua-dua jambatan tersebut?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

26. Jumlah kemalangan dan kemalangan maut di atas Jambatan Pulau Pinang pada tahun 2023 dan 2024 adalah seperti berikut:

Jambatan Pulau Pinang 1

Tahun	2023		2024	
Daerah	Maut	Kemalangan Biasa	Maut	Kemalangan Biasa
Timur Laut	2	114	6	114
SPT	7	204	8	197
Jumlah	9	318	14	311

Jambatan Sultan Abdul Halim (Jambatan Kedua)

Tahun	2023		2024	
Daerah	Maut	Kemalangan Biasa	Maut	Kemalangan Biasa
SPS	0	27	5	57
Barat Daya	2	47	3	37
Jumlah	2	74	8	94

- (a) Pihak PDRM Pulau Pinang melalui Jabatan Siasatan Dan Penguatkuasaan Trafik akan meningkatkan rondaan dan pemantauan di atas jambatan bersama pihak PB PLUS. Kolaborasi atau kerjasama bersepadu bersama-sama dengan agensi penguatkuasa luar juga akan dijalankan bagi mengoptimumkan penguatkuasaan sedia ada dan semua pihak termasuk agensi penguatkuasaan luar turut memainkan peranan masing-masing dengan melakukan penguatkuasaan menyeluruh bersama pihak PDRM. Contohnya seperti Ops Bersepadu antara agensi-agensi penguatkuasa yang lain bersama PDRM.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVIII)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

27. Senaraikan jumlah kawasan keseluruhan sawah padi di dalam DUN Permatang Pasir.
- (a) Berapakah keluasan tanah yang tidak diusahakan?
 - (b) Apakah sebab utama tanah itu tidak diusahakan?
 - (c) Berapakah luas tanah sawah yang telah ditimbus di sini?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir terletak dalam kawasan Seberang Perai Tengah dan merupakan antara kawasan pertanian yang memainkan peranan penting dalam sektor penanaman padi negeri. Mempunyai kedudukan geografi yang rata serta sistem pengairan yang disalurkan melalui projek Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA), kawasan ini terus menjadi salah satu penyumbang utama kepada pengeluaran beras tempatan.

Jumlah keseluruhan kawasan sawah padi di DUN Permatang Pasir adalah seluas **1,252.44 hektar** melibatkan **1,443 lot** yang diusahakan oleh seramai **362 orang petani**. Majoriti petani di kawasan ini bergantung kepada hasil padi sebagai sumber utama pendapatan mereka. Berdasarkan jumlah keseluruhan tanah sawah tersebut, 84% daripada keseluruhan kawasan iaitu **1,054.29 hektar** merupakan **parsel aktif** yang ditanam dan berhasi dalam musim semasa.

- (a) Manakala baki 16% iaitu seluas 198.15 hektar adalah kawasan sawah padi tidak aktif dan tidak mengeluarkan hasil.
- (b) Kawasan sawah padi yang tidak aktif dan tidak diusahakan ini terlibat dengan proses pemulihan, menghadapi isu pengairan dan belum dimanfaatkan sepenuhnya akibat faktor-faktor seperti pemilikan tanah, pembangunan setempat atau kekangan sumber air.
- (c) Pihak IADA Negeri Pulau Pinang, Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Jabatan Pertanian (DOA) Negeri Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) tidak mempunyai data tanah sawah yang ditimbus di kawasan ini.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVIII)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

28. Berapakah jumlah kerugian kemusnahan akibat banjir di Pulau Pinang pada tahun 2023 dan 2024?
- (a) Nyatakan daerah mana yang paling banyak mengalami jumlah kemusnahan dan kerugian.
 - (b) Apakah usaha kerajaan untuk mengatasi masalah banjir ini?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Kejadian banjir kilat yang berlaku di negeri ini secara umumnya bersifat sementara dan surut dalam tempoh antara satu hingga dua jam selepas kejadian. Walau bagaimanapun, sehingga kini **tiada** sebarang laporan rasmi diterima berkaitan jumlah kerugian dan kemusnahan akibat banjir kilat di Pulau Pinang bagi kedua-dua tahun tersebut.
- (a) Berdasarkan laporan yang diterima daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Daerah Timur Laut mencatatkan kekerapan kejadian banjir kilat tertinggi pada tahun 2023 dengan sebanyak 17 kejadian direkodkan, manakala bagi tahun 2024, daerah-daerah di Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT), dan Seberang Perai Selatan (SPS) mencatatkan sebanyak 14 kejadian, menjadikan kawasan-kawasan tersebut sebagai antara yang paling kerap dilanda banjir kilat pada tahun tersebut.

Daerah	Kekerapan Banjir Kilat	
	2023	2024
Barat Daya	11	6
Timur Laut	17	8
Seberang Perai Selatan	8	14
Seberang Perai Tengah	10	14
Seberang Perai Utara	12	14
JUMLAH	58	56

- (b) Kerajaan Negeri sedar akan masalah banjir yang berlaku di negeri ini. Bagi mengatasi masalah banjir ini, Kerajaan Negeri melalui pihak JPS Pulau Pinang telahpun mengenalpasti kawasan-kawasan hotspot banjir di seluruh negeri. Kajian-kajian mitigasi banjir sedang dan akan diteruskan di kawasan-kawasan ini. Hasil daripada kajian tersebut, JPS akan melaksanakan projek-projek mitigasi banjir bagi penyelesaian jangka masa panjang melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga menyalurkan peruntukan kepada JPS Pulau Pinang bagi melaksanakan beberapa langkah penyelesaian jangka masa pendek bagi mengurangkan impak banjir tersebut melalui peruntukan pembangunan dan mengurus negeri.

Peruntukan secara *one-off* diberikan melalui peruntukan caruman perparitan di mana jabatan dan agensi boleh memohon bagi melaksanakan projek-projek mitigasi banjir.

Kerajaan Negeri turut mengadakan beberapa program/aktiviti sebagai usaha untuk menangani bencana banjir seperti:

(i) **Bengkel Pengurusan Pengoperasian Bencana Negeri Pulau Pinang Siri 2 Tahun 2024**

Objektif utama bengkel ini ialah untuk meningkatkan pemahaman peserta tentang peranan dan tanggungjawab sebagai *Focal Person* / pasukan responden bencana dan memberi pendedahan strategi dan pengendalian bencana peringkat Pusat Kawalan

Operasi Bencana (PKOB) dan Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK).

(ii) **Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (CBDRM) Negeri Pulau Pinang**

Think City, Penang telah mengadakan Bengkel Persediaan Bencana Perubahan Iklim bersama Komuniti di Bayan Lepas pada 9 Mac 2025 (Ahad). Unit Pengurusan Bencana (UPB) mengambil kesempatan ini untuk memberi taklimat mitigasi pengurusan bencana banjir di Negeri Pulau Pinang. UPB juga menyampaikan maklumat berkenaan kesan serta persediaan menghadapi banjir dan bantuan-bantuan yang disalurkan oleh kerajaan bagi mangsa yang terjejas akibat bencana serta cara memohon bantuan tersebut. Objektif utama program ini dilaksanakan untuk memberi pendedahan kepada penduduk di tempat *hotspot banjir* Bayan Lepas tentang mitigasi bencana dengan lebih lanjut.

(iii) **Mengemaskini maklumat Senarai Penerima SMS Amaran Cuaca Pulau Pinang kepada Jabatan Meteorologi Malaysia Negeri Pulau Pinang**

UPB telah memberikan maklumbalas terhadap emel yang diterima daripada Jabatan Meteorologi Malaysia Negeri Pulau Pinang berkaitan pengemaskinian maklumat penerima SMS bagi amaran cuaca di Negeri Pulau Pinang. Pihak kami telah menyenaraikan sebanyak 17 individu yang terdiri daripada Pengarah Jabatan dan Ketua Jabatan dari pelbagai jabatan dan agensi yang akan menerima amaran SMS ini. Tujuan penghantaran SMS amaran adalah untuk memberi makluman awal berkenaan ramalan cuaca yang menunjukkan kemungkinan berlakunya banjir serta keadaan cuaca semasa. Selain itu, SMS ini bertujuan sebagai langkah persediaan dan tindakan supaya ketua jabatan dapat mengambil langkah-langkah keselamatan yang sesuai bagi melindungi anggota dan aset jabatan. SMS ini juga berfungsi untuk menyelaraskan maklumat berkenaan sumber yang diperlukan dalam menghadapi

kemungkinan banjir, termasuk pasukan penyelamat dan peralatan yang relevan.

(iv) **Peningkatan Infrastruktur dan Kemudahan Pusat Pemindahan Sementara (PPS)**

PPS dikenalpasti dan dinaiktaraf dengan kemudahan asas seperti bekalan air bersih, elektrik, tandas, tempat tidur, dan ruang khas untuk warga emas, wanita dan kanak-kanak. Pemilihan lokasi PPS turut mengambil kira kemudahan akses dan keselamatan daripada banjir susulan. Selain itu, Projek Pemindahan Kekal Bencana (PPKB) juga menjadi salah satu infra terbaru yang akan dimanfaatkan oleh rakyat.

v) **Perancangan dan Penilaian Risiko**

Pemetaan kawasan berisiko banjir untuk mengenal pasti lokasi-lokasi strategik bagi mendirikan PPS. Pelan tindakan kecemasan disediakan untuk setiap kawasan, melibatkan kerjasama antara agensi Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), dan Agensi Penyelamat.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVIII)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

29. Apakah usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memperkasakan Bahasa Melayu dalam kalangan rakyat Pulau Pinang dan berapakah peruntukan Kerajaan Negeri dalam memperkasakan agenda ini pada tahun 2024?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. Dalam usaha memperkasakan Bahasa Melayu dalam kalangan rakyat Pulau Pinang, Kerajaan Negeri melalui Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara (DBPWU) dan agensi-agensi lain yang berkaitan telah melaksanakan pelbagai usaha seperti berikut:

- (a) Memantau penggunaan Bahasa Kebangsaan di tempat awam di mana usaha pemantauan Bahasa Melayu ini dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara dengan memberikan khidmat nasihat bahasa di sektor awam, swasta dan pendidikan bagi penggunaan Bahasa Melayu yang betul. Selain itu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Wilayah Utara juga melaksanakan pemantauan papan tanda di premis dan tempat awam berdasarkan aduan awam bersama-sama dengan Pihak Berkuasa Tempatan;
- (b) Merancang program kebahasaan dan program kesusasteraan seperti melaksanakan dan menjayakan program Dekad Bahasa Kebangsaan dan Dekad Membaca Kebangsaan Peringkat Negeri Pulau Pinang dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kecintaan terhadap Bahasa Kebangsaan. Pelaksanaan program ini mengambil pendekatan merakyatkan bahasa dan sastera melalui

penglibatan masyarakat pelbagai kaum serta memupuk semangat perpaduan kepada rakyat di negeri ini. Antara kegiatan dan program lain yang diadakan termasuklah seminar, forum, ceramah, wacana, pertandingan/ aktiviti/ bengkel/ kursus kebahasaan, program Bahasa Melayu di media massa dan media baharu, kunjung hormat/ ziarah bahasa, pengucapan puisi, program bimbingan penulisan ilmiah dan kreatif, penerbitan, pengiktirafan/ anugerah seperti Anugerah Sastera Negeri, pameran, koleksi kepustakaan dan sebagainya;

- (c) Membina dan mengembangkan bakat kepenulisan dan ketokohan penulis-penulis Wilayah Utara;
- (d) Memasyarakatkan bahan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam masyarakat di Pulau Pinang; dan
- (e) Pemerkasaan Bahasa Melayu dengan budaya membaca iaitu Kerajaan Negeri memperkenalkan akhbar Buletin Mutiara edisi Bahasa Melayu.

Di samping itu, pada tahun 2024, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM4,272,000.00 percetakan Buletin Mutiara dalam pelbagai bahasa termasuk edisi Bahasa Melayu. Perkara itu merupakan satu usaha pemerkasaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan disamping memupuk budaya minat membaca dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum di Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVIII)30

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

30. Senaraikan jumlah tindakan penguatkuasaan yang telah diambil terhadap kilang-kilang dan gudang-gudang haram pada tahun 2024.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

30. Sebanyak **136 tindakan penguatkuasaan** telah diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pulau Pinang terhadap kilang-kilang dan gudang-gudang haram pada tahun 2024. Pecahan tindakan penguatkuasaan yang di ambil adalah sebanyak **98 tindakan di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)** dan **38 tindakan di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)**. Perincian tindakan penguatkuasaan tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A**TINDAKAN PENGUATKUASAAN OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN TERHADAP KILANG-KILANG DAN
GUDANG-GUDANG HARAM DI PULAU PINANG PADA TAHUN 2024****MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP)**

BIL.	PERKARA	DAERAH		JUMLAH
		DTL	DBD	
1	KILANG HARAM	41	57	98
2	GUDANG HARAM	0	0	0
JUMLAH KESELURUHAN		41	57	98

MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)

BIL.	PERKARA	DAERAH			JUMLAH
		SPU	SPT	SPS	
1	KILANG HARAM	0	15	12	27
2	GUDANG HARAM	5	3	3	11
JUMLAH KESELURUHAN		5	18	15	38

DAERAH BARAT DAYA				
BIL.	ALAMAT/ NO.LOT	JENIS TINDAKAN PENGUATKUASAAN	KESALAHAN	PERUNTUKAN PERUNDANGAN YANG DIKUATKUASAKAN
1	1046, JALAN DATO' ISMAIL	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
2	1038,1040,1042, JALAN DATO' ISMAIL HASHIM	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
3	1018, JALAN DATO' ISMAIL HASHIM	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
4	2C-1, TINGKAT KENARI 5	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
5	402, JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
6	404, JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
7	794, BLOK J, PERMATANG DAMAR LAUT	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
8	PLOT 1, SEBAHAGIAN LOT 359, JALAN TELUK TEMPOYAK	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
9	3A-1, LINTANG SG TIRAM 5	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991

DAERAH BARAT DAYA				
BIL.	ALAMAT/ NO.LOT	JENIS TINDAKAN PENGUATKUASAAN	KESALAHAN	PERUNTUKAN PERUNDANGAN YANG DIKUATKUASAKAN
10	28, JALAN SG TIRAM 3	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
11	38, JALAN SG TIRAM 3	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
12	9, SOLOK KEKAKBU 1	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
13	11A, SOLOK KEKABU 1	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
14	20, SOLOK KEKABU 1	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
15	18, SOLOK KEKABU 1	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
16	11, PESARA MAHSURI 5	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
17	11A, PESARA MAHSURI 5	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
18	23, PESARA MAHSURI 5	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991

DAERAH BARAT DAYA				
BIL.	ALAMAT/ NO.LOT	JENIS TINDAKAN PENGUATKUASAAN	KESALAHAN	PERUNTUKAN PERUNDANGAN YANG DIKUATKUASAKAN
19	25, PESARA MAHSURI 5	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
20	31, PESARA MAHSURI 5	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
21	SEBELAH 598-L, JALAN LEMBAH PERMAI	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
22	SEBELAH 598-L, JALAN LEMBAH PERMAI	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
23	287, BLOCK H, MK 12, JALAN BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
24	250-H, MK 12, JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
25	250-H, MK 12, JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
26	249-H, MK 12, JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
27	248-H, MK 12, JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991

DAERAH BARAT DAYA				
BIL.	ALAMAT/ NO.LOT	JENIS TINDAKAN PENGUATKUASAAN	KESALAHAN	PERUNTUKAN PERUNDANGAN YANG DIKUATKUASAKAN
28	DIBELAKANG 248-H, MK 12, JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
29	248-H, MK12, JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
30	DIBELAKANG 247-H, MK 12, JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
31	DIBELAKANG 246-H, MK 12, JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
32	245-H, MK 12, JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
33	245-H, MK 12, JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
34	245-B, BLOK H, MK 12, JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
35	245-C, BLOK H, MK12, JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
36	244-E, BLOK H, MK12, JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991

DAERAH BARAT DAYA				
BIL.	ALAMAT/ NO.LOT	JENIS TINDAKAN PENGUATKUASAAN	KESALAHAN	PERUNTUKAN PERUNDANGAN YANG DIKUATKUASAKAN
37	244-D, BLOK H, MK12, JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
38	244-C, BLOK H, MK12, JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
39	244-B, BLOK H, MK12, JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
40	244-A, BLOK H, MK12, JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
41	244-A, BLOK H, MK12, JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
42	242-H, MK 12, JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
43	242-H, MK 12, JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
44	241-H, MK12, JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
45	DIBELAKANG 240-H, MK12, JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991

DAERAH BARAT DAYA				
BIL.	ALAMAT/ NO.LOT	JENIS TINDAKAN PENGUATKUASAAN	KESALAHAN	PERUNTUKAN PERUNDANGAN YANG DIKUATKUASAKAN
46	DIBELAKANG 240-H, MK12, JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
47	239-H, MK 12, JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
48	238-H, MK12, JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
49	237-H, MK12, JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
50	DIBELAKANG 235-H, MK12, JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
51	DIBELAKANG 234-H & 233 H JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
52	233-H, MK12, JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
53	232-H, MK 12 JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
54	231-2-H, MK 12, JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991

DAERAH BARAT DAYA				
BIL.	ALAMAT/ NO.LOT	JENIS TINDAKAN PENGUATKUASAAN	KESALAHAN	PERUNTUKAN PERUNDANGAN YANG DIKUATKUASAKAN
55	231-H, MK12, JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
56	231-H, MK12, JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
57	231-H, MK12, JALAN BARU BATU MAUNG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991

DAERAH TIMUR LAUT				
BIL.	ALAMAT/ NO.LOT	JENIS TINDAKAN PENGUATKUASAAN	KESALAHAN	PERUNTUKAN PERUNDANGAN YANG DIKUATKUASAKAN
1	19-G-7, TAMAN SERI SARI, HILIR PAYA TERUBONG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
2	15-G-15, BAYAN MEDAN KAMPUNG RELAU	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
3	29, GF, LORONG HELANG 2	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
4	16, TK 1, LORONG HELANG 3	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
5	8 & 10, LORONG HELANG 3	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
6	23, LORONG HELANG 2	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
7	284, JALAN CY CHOY	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
8	125-E, HAPPY VALLEY, JALAN PAYA TERUBONG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
9	125-D, JALAN LEMBAH RIA	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991

DAERAH TIMUR LAUT				
BIL.	ALAMAT/ NO.LOT	JENIS TINDAKAN PENGUATKUASAAN	KESALAHAN	PERUNTUKAN PERUNDANGAN YANG DIKUATKUASAKAN
10	122-D, JALAN PAYA TERUBONG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
11	61-H, JALAN MATHANG KUCING	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
12	558, (BELAKANG NO1), JALAN AIR PUTIH	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
13	612-G, JALAN RAMBUTAN, AIR ITAM	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
14	187-D, JALAN KAMPUNG PISANG, AIR ITAM	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
15	703, JALAN LINTANG, AIR ITAM	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
16	649-A, JALAN LINTANG, AIR ITAM	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
17	649, JALAN LINTANG, AIR ITAM	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
18	463-J, JALAN DATO' KERAMAT	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991

DAERAH TIMUR LAUT				
BIL.	ALAMAT/ NO.LOT	JENIS TINDAKAN PENGUATKUASAAN	KESALAHAN	PERUNTUKAN PERUNDANGAN YANG DIKUATKUASAKAN
19	NO. 282-A, JALAN GURDWARA	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
20	NO. 282, JALAN GURDWARA	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
21	99, LEBUH MACALLUM	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
22	22, JALAN TYE KEE YOON	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
23	2-2-13&14, HARBOUR TRADE CENTRE LEBUH MACCALUM	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
24	2-4-19 (HTC), GAT LEBUH MACALLUM	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
25	344-G-1, (HTC), GAT LEBUH MACALLUM	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
26	17, LEBUH TYE SIN	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
27	192, JALAN CY CHOY	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991

DAERAH TIMUR LAUT				
BIL.	ALAMAT/ NO.LOT	JENIS TINDAKAN PENGUATKUASAAN	KESALAHAN	PERUNTUKAN PERUNDANGAN YANG DIKUATKUASAKAN
28	66, JALAN TRUSAN	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
29	25-F, JALAN OSMAN KADIR LIT	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
30	25-H, JALAN OSMAN KADIR LIT	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
31	83, JALAN HASHIM IMAM	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
32	93-E, JALAN SHAIK MADAR	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
33	SEBELAH 93-E, JALAN SHAIK MADAR	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
34	93-C, JALAN SHAIK MADAR	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
35	149, JALAN SHAIK MADAR	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
36	99-D, JALAN SHAIK MADAR	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991

DAERAH TIMUR LAUT				
BIL.	ALAMAT/ NO.LOT	JENIS TINDAKAN PENGUATKUASAAN	KESALAHAN	PERUNTUKAN PERUNDANGAN YANG DIKUATKUASAKAN
37	220, JALAN KAMPUNG PISANG	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
38	49-R, LORONG SEMPADAN	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
39	1, MK 13, JALAN AIR ITAM	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
40	2-1-04, GAT LEBUH MACALLUM	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991
41	2-1-01, GAT LEBUH MACALLUM	KOMPAUN	MENJALANKAN PERNIAGAAN TANPA LESEN	UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MPPP 1991

DAERAH SEBERANG PERAI UTARA				
BIL.	ALAMAT/ NO.LOT	JENIS TINDAKAN PENGUATKUASAAN	KESALAHAN	PERUNTUKAN PERUNDANGAN YANG DIKUATKUASAKAN
1	LOT 547, MUKIM 10	NOTIS BORANG D	KERJA BANGUNAN /GUDANG	[KAEDAH 14(2)] MENGIKUT SEKSYEN 27(2)(A) AKTA PERANCANGAN BANDAR & DESA 1976 (AKTA 172)
2	LOT 3393, SEK 10	NOTIS BORANG F	KERJA BANGUNAN /GUDANG	[KAEDAH 14(3)] MENGIKUT SEKSYEN 27(3) AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)
3	LOT 4265, MUKIM 12	NOTIS BORANG D	KERJA BANGUNAN /GUDANG	[KAEDAH 14(2)] MENGIKUT SEKSYEN 27(2)(A) AKTA PERANCANGAN BANDAR & DESA 1976 (AKTA 172)
4	LOT 5675, MUKIM 12	NOTIS BORANG D	KERJA BANGUNAN /GUDANG	[KAEDAH 14(2)] MENGIKUT SEKSYEN 27(2)(A) AKTA PERANCANGAN BANDAR & DESA 1976 (AKTA 172)
5	LOT 793, 803, 3499, 3500, 3501, MUKIM 16	NOTIS BORANG F	KERJA BANGUNAN /GUDANG	[KAEDAH 14(3)] MENGIKUT SEKSYEN 27(3) AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)

DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH				
BIL.	ALAMAT/ NO.LOT	JENIS TINDAKAN PENGUATKUASAAN	KESALAHAN	PERUNTUKAN PERUNDANGAN YANG DIKUATKUASAKAN
1	LOT 1306, MUKIM 14	NOTIS BORANG F	KERJA BANGUNAN /GUDANG	[KAEDAH 14(3)] MENGIKUT SEKSYEN 27(3) AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)

DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH				
BIL.	ALAMAT/ NO.LOT	JENIS TINDAKAN PENGUATKUASAAN	KESALAHAN	PERUNTUKAN PERUNDANGAN YANG DIKUATKUASAKAN
2	LOT 985, MUKIM 20	NOTIS BORANG D	KERJA BANGUNAN /KILANG	[KAEDAH 14(2)] MENGIKUT SEKSYEN 27(2)(A) AKTA PERANCANGAN BANDAR & DESA 1976 (AKTA 172)
3	LOT 531, MUKIM 13	NOTIS BORANG F	KERJA BANGUNAN /GUDANG	[KAEDAH 14(3)] MENGIKUT SEKSYEN 27(3) AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)
4	LOT 4172, MUKIM 14	NOTIS BORANG G	KERJA BANGUNAN /KILANG	SEKSYEN 27(4)) MENGIKUT AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)
5	LOT 1670, MUKIM 4	NOTIS BORANG D	KERJA BANGUNAN /GUDANG	[KAEDAH 14(2)] MENGIKUT SEKSYEN 27(2)(A) AKTA PERANCANGAN BANDAR & DESA 1976 (AKTA 172)
6	LOT 1042, MUKIM 6	NOTIS BORANG D	KERJA BANGUNAN /KILANG	[KAEDAH 14(2)] MENGIKUT SEKSYEN 27(2)(A) AKTA PERANCANGAN BANDAR & DESA 1976 (AKTA 172)
7	LOT 1043, MUKIM 6	NOTIS BORANG D	KERJA BANGUNAN /KILANG	[KAEDAH 14(2)] MENGIKUT SEKSYEN 27(2)(A) AKTA PERANCANGAN BANDAR & DESA 1976 (AKTA 172)
8	LOT 1044, MUKIM 6	NOTIS BORANG D	KERJA BANGUNAN /KILANG	[KAEDAH 14(2)] MENGIKUT SEKSYEN 27(2)(A) AKTA PERANCANGAN BANDAR & DESA 1976 (AKTA 172)
9	LOT 1052, MUKIM 6	NOTIS BORANG D	KERJA BANGUNAN /KILANG	[KAEDAH 14(2)] MENGIKUT SEKSYEN 27(2)(A) AKTA PERANCANGAN BANDAR & DESA 1976 (AKTA 172)
10	LOT 1105, MUKIM 6	NOTIS BORANG D	KERJA BANGUNAN /KILANG	[KAEDAH 14(2)] MENGIKUT SEKSYEN 27(2)(A) AKTA PERANCANGAN BANDAR & DESA 1976 (AKTA 172)

DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH				
BIL.	ALAMAT/ NO.LOT	JENIS TINDAKAN PENGUATKUASAAN	KESALAHAN	PERUNTUKAN PERUNDANGAN YANG DIKUATKUASAKAN
11	LOT 761, MUKIM 6	NOTIS BORANG D	KERJA BANGUNAN /KILANG	[KAEDAH 14(2)] MENGIKUT SEKSYEN 27(2)(A) AKTA PERANCANGAN BANDAR & DESA 1976 (AKTA 172)
12	LOT 762, MUKIM 6	NOTIS BORANG D	KERJA BANGUNAN /KILANG	[KAEDAH 14(2)] MENGIKUT SEKSYEN 27(2)(A) AKTA PERANCANGAN BANDAR & DESA 1976 (AKTA 172)
13	LOT 1038, MUKIM 11	NOTIS BORANG D	KERJA BANGUNAN /KILANG	[KAEDAH 14(2)] MENGIKUT SEKSYEN 27(2)(A) AKTA PERANCANGAN BANDAR & DESA 1976 (AKTA 172)
14	LOT 5017, MUKIM 11	NOTIS BORANG D	KERJA BANGUNAN /KILANG	[KAEDAH 14(2)] MENGIKUT SEKSYEN 27(2)(A) AKTA PERANCANGAN BANDAR & DESA 1976 (AKTA 172)
15	LOT 50529, MUKIM 11	NOTIS BORANG D	KERJA BANGUNAN /KILANG	[KAEDAH 14(2)] MENGIKUT SEKSYEN 27(2)(A) AKTA PERANCANGAN BANDAR & DESA 1976 (AKTA 172)
16	LOT 300, MUKIM 19	NOTIS BORANG D	KERJA BANGUNAN /KILANG	[KAEDAH 14(2)] MENGIKUT SEKSYEN 27(2)(A) AKTA PERANCANGAN BANDAR & DESA 1976 (AKTA 172)
17	LOT 2125, MUKIM 6	NOTIS BORANG D	KERJA BANGUNAN /KILANG	[KAEDAH 14(2)] MENGIKUT SEKSYEN 27(2)(A) AKTA PERANCANGAN BANDAR & DESA 1976 (AKTA 172)
18	LOT 3826, MUKIM 6	NOTIS BORANG D	KERJA BANGUNAN /KILANG	[KAEDAH 14(2)] MENGIKUT SEKSYEN 27(2)(A) AKTA PERANCANGAN BANDAR & DESA 1976 (AKTA 172)

DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN				
BIL.	ALAMAT/ NO.LOT	JENIS TINDAKAN PENGUATKUASAAN	KESALAHAN	PERUNTUKAN PERUNDANGAN YANG DIKUATKUASAKAN
1	LOT 1009, 1010, MUKIM 7	NOTIS BORANG F	KERJA BANGUNAN TANPA KEBENARAN MERANCANG/ KILANG	[KAEDAH 14(3)] MENGIKUT SEKSYEN 27(3) AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)
2	LOT 1013, MUKIM 7	NOTIS BORANG D	KERJA BANGUNAN TANPA KEBENARAN MERANCANG/ KILANG	[KAEDAH 14(2)] MENGIKUT SEKSYEN 27(2)(A) AKTA PERANCANGAN BANDAR & DESA 1976 (AKTA 172)
3	LOT 1014, MUKIM 7	NOTIS BORANG D	KERJA BANGUNAN TANPA KEBENARAN MERANCANG/ KILANG	[KAEDAH 14(2)] MENGIKUT SEKSYEN 27(2)(A) AKTA PERANCANGAN BANDAR & DESA 1976 (AKTA 172)
4	LOT 20121 (LOT LAMA 415), MUKIM 12	NOTIS BORANG F	KERJA BANGUNAN TANPA KEBENARAN MERANCANG/ KILANG	[KAEDAH 14(3)] MENGIKUT SEKSYEN 27(3) AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)
5	LOT 20121 (LOT LAMA 415), MUKIM 12	NOTIS BORANG G	KERJA BANGUNAN TANPA KEBENARAN MERANCANG/ KILANG	SEKSYEN 27(4)) MENGIKUT AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)
6	LOT 416, MUKIM 12	NOTIS BORANG F	KERJA BANGUNAN TANPA KEBENARAN MERANCANG/ KILANG	[KAEDAH 14(3)] MENGIKUT SEKSYEN 27(3) AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)
7	LOT 416, MUKIM 12	NOTIS BORANG G	KERJA BANGUNAN TANPA KEBENARAN MERANCANG/ KILANG	SEKSYEN 27(4)) MENGIKUT AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)
8	LOT 1019, MUKIM 1	NOTIS BORANG D	KERJA BANGUNAN TANPA KEBENARAN MERANCANG/ KILANG	[KAEDAH 14(2)] MENGIKUT SEKSYEN 27(2)(A) AKTA PERANCANGAN BANDAR & DESA 1976 (AKTA 172)
9	LOT 1021, MUKIM 1	NOTIS BORANG D	KERJA BANGUNAN TANPA KEBENARAN MERANCANG/ KILANG	[KAEDAH 14(2)] MENGIKUT SEKSYEN 27(2)(A) AKTA PERANCANGAN BANDAR & DESA 1976 (AKTA 172)

DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN				
BIL.	ALAMAT/ NO.LOT	JENIS TINDAKAN PENGUATKUASAAN	KESALAHAN	PERUNTUKAN PERUNDANGAN YANG DIKUATKUASAKAN
10	LOT 833, 834, MUKIM 1	NOTIS BORANG D	KERJA BANGUNAN TANPA KEBENARAN MERANCANG/ GUDANG	[KAEDAH 14(2)] MENGIKUT SEKSYEN 27(2)(A) AKTA PERANCANGAN BANDAR & DESA 1976 (AKTA 172)
11	LOT 1016, MUKIM 1	NOTIS BORANG D	KERJA BANGUNAN TANPA KEBENARAN MERANCANG/ GUDANG	[KAEDAH 14(2)] MENGIKUT SEKSYEN 27(2)(A) AKTA PERANCANGAN BANDAR & DESA 1976 (AKTA 172)
12	LOT 880, MUKIM 14	NOTIS BORANG D	KERJA BANGUNAN TANPA KEBENARAN MERANCANG/ KILANG	[KAEDAH 14(2)] MENGIKUT SEKSYEN 27(2)(A) AKTA PERANCANGAN BANDAR & DESA 1976 (AKTA 172)
13	LOT 480, 481, MUKIM 14	NOTIS BORANG F	KERJA BANGUNAN TANPA KEBENARAN MERANCANG/ KILANG	[KAEDAH 14(3)] MENGIKUT SEKSYEN 27(3) AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)
14	LOT 480, 481, MUKIM 14	NOTIS BORANG G	KERJA BANGUNAN TANPA KEBENARAN MERANCANG/ KILANG	SEKSYEN 27(4)) MENGIKUT AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)
15	LOT 5378, 5379, MUKIM 7	NOTIS BORANG G	KERJA BANGUNAN TANPA KEBENARAN MERANCANG/ GUDANG	SEKSYEN 27(4)) MENGIKUT AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)